



**PANDUAN PELAKSANAAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA MELALUI
KAEDAH PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT)**

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

2014

KANDUNGAN

KANDUNGAN	1
SENARAI JADUAL.....	3
SENARAI LAMPIRAN	3
SENARAI BORANG	4
SENARAI CARTA ALIR	4
SENARAI KEPENDEKAN	5
TAFSIRAN	6
A. PANDUAN PELAKSANAAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA MELALUI KAEDAH PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT)	8
1.0 TUJUAN	8
2.0 LATAR BELAKANG	8
3.0 PRA-PERMOHONAN PENILAIAN KENDIRI.....	8
4.0 KATEGORI DAN SALURAN PERMOHONAN	9
5.0 PROSEDUR PERMOHONAN.....	10
6.0 KADAR FI DAN CAJ PERMOHONAN	14
7.0 PERSONEL PPT	15
8.0 PENILAIAN KETERAMPILAN.....	15
9.0 VERIFIKASI.....	17
10.0 PERSIJILAN	17
B. PANDUAN CALON - PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU	20
1.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	20
2.0 PENILAIAN PORTFOLIO.....	20
3.0 PENILAIAN AMALI	22
4.0 PENILAIAN PROGRAM VTO	22
5.0 PENILAIAN LPKT (DKM/DLKM)	22
6.0 PENAMATAN CALON	23
7.0 PERKARA YANG DILARANG	23
C. PANDUAN PEGAWAI PENILAI PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PP-PPT).....	25
1.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	25
2.0 PENILAIAN PORTFOLIO.....	25
3.0 PENILAIAN VTO.....	27
4.0 PENILAIAN LPKT	27
5.0 PENAMATAN PENUGASAN PP-PPT.....	28
6.0 PERKARA YANG DILARANG	28
7.0 TUNTUTAN PERSONEL	29

D. PANDUAN TAMBAHAN PEGAWAI PENGESAH LUARAN - PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPL-PPT)	30
1.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	30
2.0 PENILAIAN PORTFOLIO.....	30
3.0 PENILAIAN LPKT DAN VTO	31
4.0 PERSIJILAN	31
5.0 PERKARA YANG DILARANG	31
6.0 TUNTUTAN PERSONEL	32
E. PANDUAN PELAKSANAAN PENILAIAN KETERAMPILAN MELALUI KAEDAH PENILAIAN PORTFOLIO	33
1.0 PENGENALAN	33
2.0 PEMBANGUNAN PORTFOLIO	33
3.0 PENILAIAN PORTFOLIO.....	36
4.0 VERIFIKASI PORTFOLIO.....	37
F. PANDUAN PENILAIAN KETERAMPILAN MELALUI PENILAIAN AMALI.....	39
1.0 PENGENALAN	39
2.0 KONSEP PENILAIAN AMALI.....	39
3.0 KAEDAH PENILAIAN DAN VERIFIKASI.....	40
G. PANDUAN PELAKSANAAN PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT) MELALUI PUSAT BERTAULIAH-PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PB-PPT).....	44
1.0 TUJUAN	44
2.0 LATAR BELAKANG	44
3.0 SYARAT PERMOHONAN SEBAGAI PB-PPT	44
4.0 STRUKTUR PENTAULIAHAN PROGRAM PPT	48
5.0 PELAKSANAAN PROGRAM PB-PPT.....	50
6.0 PROSEDUR TUNTUTAN BAYARAN	53
7.0 LAWATAN PEMANTAUAN.....	54
H. PANDUAN PEMBANGUNAN & PEMBENTANGAN LAPORAN PENGALAMAN KETERAMPILAN TERDAHULU (LPKT).....	55
1.0 PENDAHULUAN.....	55
2.0 KAEDAH PELAKSANAAN	56
3.0 PEMBENTANGAN PROJEK LPKT	60

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Struktur Pelaksanaan PPT	10
Jadual 2: Tempoh Minimum Pengalaman Kerja	11
Jadual 3: Tahap persijilan yang layak dipohon	12
Jadual 4 : Tempoh Minimum Pengalaman Kerja Bagi Pemegang Sijil Kemahiran / Kelayakkan Lain Yang Diiktiraf	13
Jadual 5: Permohonan Persijilan Mengikut Tahap.....	13
Jadual 6: Kaedah dan Tempoh Penilaian Maksimum	16
Jadual 7: Tempoh Penilaian bagi Program Modular (Maksimum)	16
Jadual 8: Syarat penganugerahan persijilan.....	18
Jadual 9: Bukti-Bukti Keterampilan Kategori Bukti Kukuh	34
Jadual 10: Bukti-Bukti Keterampilan Kategori Bukti Sederhana.....	35
Jadual 11 : Anggaran Kadar Bahan Penilaian (Maksimum)	40
Jadual 12: Skop penilaian mengikut jenis permohonan	41
Jadual 13: Komposisi Pemarkahan Penilaian bagi SKM Tahap 1, 2 atau 3.....	41
Jadual 14: Komposisi Pemarkahan Penilaian bagi DKM atau DLKM.....	41
Jadual 15 : Format Penulisan LPKT	57
Jadual 16: Peratusan Markah Mengikut Komponen Penilaian	61

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Perakuan Tempoh Pengalaman Bekerja Dalam Bidang Kemahiran Berkaitan.....	63
Lampiran 2: Contoh Invois.....	66
Lampiran 3: Kategori <i>Hardskills</i> dan <i>Softskills</i>	67
Lampiran 4 : Laporan Pelaksanaan Program PPT Yang Telah Dijalankan Di PB-PPT	68
Lampiran 5: Surat Akuan Pengesahan Calon (Calon Dan PP-PPT)	69
Lampiran 6: Muka Depan Portfolio	70
Lampiran 7 : Kandungan Dan Susunatur Portfolio.....	71

SENARAI BORANG

JPK/PPT/1/6-2014	-	Borang Permohonan Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)
JPK/PPT/2/6-2014	-	Laporan Penilaian Keterampilan Calon melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)
JPK/PPT/3/6-2014	-	Laporan Penilaian Pembentangan calon melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)
JPK/PPT/4/6-2014	-	Borang Permohonan verifikasi Pegawai Pengesah Luaran – Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPL-PPT)
JPK/PPT/5/6-2014	-	Borang Laporan Verifikasi Pegawai Pengesah Luaran Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPL-PPT)
JPK/PPT/6/6-2014	-	Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)
JPK/PPT/7/6-2014	-	Borang Tuntutan Bayaran Penilaian Pencapaian Terdahulu (PPT)
JPK/PPT/8/6-2014	-	Borang Tuntutan Bayaran Verifikasi Bagi Pegawai Pengesah Luaran
JPK/PPT/9/6-2014	-	Cadangan Tajuk Dan Ringkasan Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT)
JPK/PPT/10/8-2014	-	Borang Permohonan Penilaian Keterampilan Melalui PB-PPT
JPK/PPT/11/9-2014	-	Borang Permohonan Pentauliahahan Pusat Bertauliah – Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PB-PPT)

SENARAI CARTA ALIR

CARTA ALIR 1: PILIH JENIS PERMOHONAN.....	72
CARTA ALIR 2: PROSES PENDAFTARAN PERMOHONAN PERSIJILAN	73
CARTA ALIR 3: PERMOHONAN MENGIKUT TAHAP/SINGLE TIER/MODULAR PENILAIAN PORTFOLIO (SKM 1/2/3/PC)	74
CARTA ALIR 4: PERMOHONAN MENGIKUT TAHAP/SINGLE TIER PENILAIAN PORTFOLIO DKM/DLKM).....	75
CARTA ALIR 5: PERMOHONAN MENGIKUT TAHAP/SINGLE TIER PENILAIAN AMALI (SKM/DKM/DLKM/PC).....	76
CARTA ALIR 6: PROSES PELAKSANAAN PENILAIAN AMALI.....	77

SENARAI KEPENDEKAN

JPK - Jabatan Pembangunan Kemahiran

CTRE – *Continuing Tourism Related Education*

CU – Unit Kompetensi / *Competency Unit*

DKM – Diploma Kemahiran Malaysia

DLKM – Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia

JKM – Jabatan Kebajikan Masyarakat

LPKT – Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu

MOTAC – *Ministry of Tourism And Culture*

NOSS – *National Occupational Skill Standard*

PB – Pusat Bertauliah

PB-PPT – Pusat Bertauliah – Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu

PC – Penyata Pencapaian

PPL-PPT – Pegawai Pengesah Luaran – Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu

PP-PPT- Pegawai Penilai – Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu

PPT- Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu

SKM – Sijil Kemahiran Malaysia

SKPK – Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan

SPKM – Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia

VTE – *Vocational Training Executive*

VTM – *Vocational Training Manager*

VTO – *Vocational Training Officer*

WIM – *Written Instructional Materials*

TAFSIRAN

Dalam panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

“Analisa jurang kompetensi” ertinya proses yang dilaksanakan bagi mengenal pasti jurang kompetensi yang terdapat di antara bukti yang dimiliki oleh calon dengan NOSS;

“Calon” ertinya mana-mana individu yang mempunyai pengalaman kerja dan kemahiran yang berdaftar dengan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran untuk mendapatkan Sijil;

“Jurang kompetensi” ertinya perbandingan di antara kompetensi yang perlu ada berbanding kompetensi yang dimiliki oleh individu;

“Kaunseling” ertinya suatu proses membimbing dan membantu calon bagi mengenalpasti dan menyediakan bukti-bukti keterampilan berdasarkan pengalaman terdahulu yang dimiliki oleh calon;

“Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT)” ertinya suatu dokumen bertulis (laporan) yang menjelaskan tugas/projek/pencapaian/permasalahan yang telah dialami/dilalui/dilakukan oleh calon yang boleh membuktikan kekompetenan yang dimilikinya memenuhi keperluan NOSS dalam bidang berkaitan.

“Keterampilan” ertinya kecekapan atau kemampuan (yang tinggi) dalam melakukan sesuatu kerja atau perbuatan yang memenuhi keperluan NOSS;

“Kompetensi” ertinya gabungan pengetahuan, kemahiran, tingkahlaku dan keselamatan yang diperlukan pada individu dalam usaha untuk melaksanakan kerja dengan jayanya dan efisien berdasarkan kriteria prestasi yang ditetapkan dalam NOSS;

“Modular” ertinya suatu kaedah persijilan yang melibatkan pelaksanaan pemilihan atau gabungan mana-mana CU di dalam Standard sehingga memperolehi tahap persijilan program.

“Penilaian amali” ertinya satu proses penilaian tanpa pembangunan portfolio yang meliputi elemen kemahiran, pengetahuan dan sikap mengikut keperluan NOSS bidang yang dipohon.

“Pegawai Penilai-Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PP-PPT)” ertinya pakar atau personel yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan, ditauliah dan dilantik oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran untuk menilai pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki oleh calon;

“Pegawai Pengesah Luaran-Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPL-PPT)” ertinya pakar atau personel yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan, ditauliah dan dilantik oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran untuk melaksanakan verifikasi terhadap penilaian yang dilakukan oleh PP-PPT;

“Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)” ertinya satu kaedah untuk memberi pengiktirafan kepada mana-mana individu yang boleh membuktikan keterampilan yang digariskan di dalam NOSS berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki;

“Penilaian” ertinya suatu proses menyemak, menilai dan menentusahkan bukti-bukti keterampilan calon memenuhi keperluan NOSS termasuklah sesi kaunseling, lawatan tempat kerja dan temuduga;

“Persijilan” ertinya proses perakuan kelayakkan bagi seseorang yang telah diakui kompeten dan memenuhi tahap kompetensi mengikut keperluan NOSS;

“Program” ertinya mana-mana satu tajuk pekerjaan untuk satu tahap yang ditetapkan dalam daftar NOSS;

“Pusat Penilaian” ertinya tempat penilaian terdiri daripada Pusat Bertauliah (PB), tempat majikan atau pusat latihan yang dibenarkan oleh JPK bagi mengendalikan proses penilaian keterampilan PPT;

“Pusat Latihan” ertinya Pusat yang tidak ditauliahkan sebagai PB dan merupakan tempat bagi mengendalikan proses penilaian keterampilan PPT yang dibenarkan oleh JPK;

“Sijil” ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah iaitu SKM, DKM, DLKM atau PC;

“Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)” ertinya polisi, mekanisme NOSS dan tatacara yang terlibat dalam penganugerahan suatu Sijil oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran;

“Standard” ertinya Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) yang diwujudkan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652];

“Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) / National Occupational Skill Standard (NOSS)” ertinya satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut;

“Temuduga” ertinya aktiviti penilaian yang dilaksanakan oleh panel penilai (PP-PPT&PPL-PPT) terhadap calon yang dinilai melalui kaedah PPT;

“Unit kompetensi” ertinya satu fungsi kerja utama bagi sesuatu bidang pekerjaan. Setiap unit kompetensi mengandungi beberapa aktiviti/tugasan bagi melengkap fungsi kerja utama yang boleh dinilai dan dipersijilkan secara berasingan;

“Verifikasi” ertinya suatu proses dimana PPL-PPT menentusahkan penilaian yang dilaksanakan oleh PP-PPT; dan

“WIM” ertinya dokumen yang disediakan oleh pengajar untuk kegunaan pelatih bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

A. PANDUAN PELAKSANAAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA MELALUI KAEDAH PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT)

1.0 TUJUAN

Panduan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) bertujuan menetapkan peraturan pelaksanaan permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT. Panduan ini hendaklah dibaca bersama Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dan panduan-panduan berkaitan dengan Persijilan Kemahiran Malaysia yang sedang berkuatkuasa.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1. Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT telah dilancarkan pada 13 September 1996. Kaedah ini memberi peluang kepada pekerja mahir di negara ini untuk mendapatkan pengiktirafan terhadap keterampilan serta pengalaman terdahulu yang mereka miliki;
- 2.2. Pekerja-pekerja mahir ini yang sememangnya mempunyai kemahiran dan pengalaman tetapi tidak mempunyai sijil tertentu boleh mendapatkan pengiktirafan melalui Persijilan Kemahiran Malaysia di mana mereka boleh dianugerahkan Sijil tanpa perlu mengikuti latihan secara formal; dan
- 2.3. Pekerja-pekerja mahir ini hanya perlu membuktikan keterampilan yang telah dimiliki atau diperolehi untuk dinilai dan disahkan di samping syarat-syarat lain yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di dalam panduan ini bagi memenuhi keperluan Standard.

3.0 PRA-PERMOHONAN PENILAIAN KENDIRI

- 3.1. Penilaian sendiri merupakan satu konsep pra-penilaian seseorang individu (iaitu pemohon) ke atas dirinya sendiri bagi menentukan sama ada dirinya telah memenuhi keperluan Standard bagi program yang ingin dipohon;
- 3.2. Individu hendaklah membuat penilaian sendiri sebelum memohon kepada JPK dengan menilai kompetensi yang dimilikinya (secara *online* atau manual) dan mengetahui status kelayakan memohon berdasarkan keputusan analisa jurang seperti berikut:
 - a. Memenuhi semua keperluan dalam NOSS bagi bidang yang dipohon maka layak mengemukakan permohonan;
 - b. Jika jurang kompetensi kurang daripada 30% atau kurang daripada keperluan NOSS yang dipohon maka individu perlu memenuhi jurang kompetensi dengan mengikuti kursus/latihan di PB-PPT atau mana pusat latihan yang menawarkan kursus atau latihan yang berkenaan; atau

- c. Jika jurang kompetensi melebihi 30% daripada keperluan NOSS yang dipohon, maka individu belum layak memohon secara kaedah PPT.

4.0 KATEGORI DAN SALURAN PERMOHONAN

- 4.1. Persijilan Kemahiran Malaysia melalui Kaedah PPT boleh dilaksanakan secara **persijilan penuh** atau **persijilan modular** iaitu:

4.1.1 Persijilan Penuh

- a. Program yang dijalankan bagi memenuhi semua CU teras dan/atau CU elektif di dalam NOSS berkaitan yang membawa kepada penganugerahan SKM/ DKM/ DLKM.
- b. Terdapat dua (2) kategori dalam persijilan program penuh iaitu **Persijilan Mengikut Tahap** dan **Persijilan Tahap Tunggal (*Single Tier*)**.

4.1.2 Persijilan Modular

- a. Persijilan modular terdiri daripada satu atau gabungan beberapa CU bagi NOSS yang sama yang boleh membawa kepada penganugerahan Penyata Pencapaian (PC).
- b. Permohonan persijilan ini boleh terdiri daripada:
 - i. satu (1) CU; atau
 - ii. gabungan beberapa CU pada tahap yang sama
- c. Gabungan CU yang dipohon mestilah pada program yang sama dan bermula dari tahap persijilan terendah dahulu.

- 4.2. Individu boleh membuat permohonan melalui 2 saluran iaitu :

- a. JPK

Urusan pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia akan diuruskan sepenuhnya oleh pihak JPK

- b. PB-PPT

Urusan pendaftaran, kaunseling dan penilaian akan diuruskan oleh PB-PPT yang dipilih oleh calon.

- 4.3. Struktur pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Struktur Pelaksanaan PPT

Kategori Permohonan		Saluran Permohonan	Kaedah Penilaian
1.0 Program Penuh	i. Mengikut Tahap	JPK	i. Penilaian Portfolio
		PB-PPT	i. Penilaian Portfolio ii. Penilaian Amali
		Pusat Penilaian yang diluluskan oleh JPK.	i. Penilaian Amali
	ii. Single Tier	PB-PPT	i. Penilaian Portfolio ii. Penilaian Amali
2.0 Program Modular	i. Satu (1) CU; atau ii. Gabungan beberapa CU	PB-PPT	i. Penilaian Portfolio ii. Penilaian Amali

5.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 5.1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) yang boleh dicetak di www.dsd.gov.my atau melalui sistem pendaftaran *online*;
- 5.2. Pemohon hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:
 - a. Berumur sekurang-kurangnya 17 tahun bagi permohonan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1, 2 dan 3;
 - b. Berumur sekurang-kurangnya 20 tahun untuk permohonan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM);
 - c. Memenuhi pra-syarat yang digariskan dalam Standard;
 - d. Memiliki SKM pada tahap yang lebih rendah untuk mendapatkan SKM yang lebih tinggi dalam program yang sama;
 - e. Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang kemahiran pada tahap yang dipohon;
 - f. Membuktikan pengalaman kerja dengan mengemukakan Surat Pengesahan Majikan atau Surat Akuan Sumpah (bagi pemohon yang bekerja sendiri atau tidak dapat membuktikan pengalaman kerja terdahulu);
 - g. Bagi pemohon bukan warga negara yang bekerja di Malaysia hendaklah mematuhi syarat-syarat tambahan seperti berikut:

- i. Mengemukakan permohonan selewat-lewatnya 6 bulan sebelum tarikh tamat tempoh permit kerja;
 - ii. Mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah;
 - iii. Memiliki permit kerja atau pas yang masih sah dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);
 - iv. Sedang bekerja di mana-mana syarikat yang sedang beroperasi dan berdaftar di Malaysia;
 - v. Telah bermastautin melebihi tempoh dua (2) tahun di Malaysia secara berterusan; dan
 - vi. Segala urusan permohonan, kaunseling dan penilaian menggunakan Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dan dilaksanakan di Malaysia.
- h. Memenuhi syarat tempoh minimum pengalaman kerja seperti yang ditetapkan dalam **Jadual 2**:

Jadual 2: Tempoh Minimum Pengalaman Kerja

Permohonan Mengikut Tahap	Tempoh Minimum Pengalaman Kerja Dalam Bidang Berkaitan – Permohonan persijilan mengikut tahap / gabungan tahap	
	Tiada SKM dan bagi Standard yang bermula pada tahap berkenaan	Telah mempunyai SKM pada tahap terendah dari tahap yang dipohon
Permohonan bagi SATU tahap		
SKM Tahap 1	1 tahun pengalaman kerja	Tidak berkaitan
SKM Tahap 2	*2 tahun pengalaman kerja	Memiliki SKM Tahap 1 dan 1 tahun pengalaman kerja
SKM Tahap 3	*3 tahun pengalaman kerja	Memiliki SKM Tahap 2 dan 1 tahun pengalaman kerja
DKM	*5 tahun pengalaman kerja	Memiliki SKM Tahap 3 dan 2 tahun pengalaman kerja
DLKM	*7 tahun pengalaman kerja	Memiliki DKM dan 2 tahun pengalaman kerja
Permohonan bagi program VTO/VTE/VTM		
VTO (I-031-3)	≥ 4 tahun pengalaman mengajar latihan kemahiran	Tidak berkaitan
VTE (I-031-4)	Tidak berkaitan	Memiliki VTO dan satu (1) tahun pengalaman mengurus latihan kemahiran
VTM (I-031-5)	Tidak berkaitan	Memiliki VTE dan dua (2) tahun pengalaman mengurus latihan kemahiran
VTE & VTM (Single Tier)	Tidak berkaitan	Memiliki VTO dan dua (2) tahun pengalaman mengurus latihan kemahiran

Permohonan bagi GABUNGAN tahap (Termasuk permohonan <i>SingleTier</i>)		
SKM Tahap 1 & 2	2 tahun pengalaman kerja	Tidak berkaitan
SKM Tahap 2 & 3	3 tahun pengalaman kerja	Memiliki SKM Tahap 1 dan 2 tahun pengalaman kerja
SKM Tahap 1, 2 & 3	3 tahun pengalaman kerja	Tidak berkaitan
Tahap 1, 2, 3 dan DKM	5 tahun pengalaman kerja	Tidak berkaitan
Tahap 2, 3 dan DKM	5 tahun pengalaman kerja	Memiliki SKM Tahap 1 dan 3 tahun pengalaman kerja
Tahap 3 dan DKM	5 tahun pengalaman kerja	Memiliki SKM Tahap 2 dan 2 tahun pengalaman kerja
DKM & DLKM	7 tahun pengalaman kerja	Memiliki SKM Tahap 3 dan 3 tahun pengalaman kerja
Tahap 3, DKM dan DLKM	7 tahun pengalaman kerja	Memiliki SKM Tahap 2 dan 4 tahun pengalaman kerja
Tahap 2, 3, DKM dan DLKM	7 tahun pengalaman kerja	Memiliki SKM Tahap 1 dan 5 tahun pengalaman kerja
Tahap 1, 2, 3, DKM dan DLKM	7 tahun pengalaman kerja	Tidak berkaitan

***Nota: Bagi perkara bertanda (*) hanya terpakai jika sekiranya Standard tidak mempunyai tahap terendah bagi bidang yang dipohon dan tempoh pengalaman kerja minimum berpanduan tahap persijilan tertinggi yang dipohon. Tempoh pengalaman kerja tidak semestinya secara berterusan tetapi dikira secara terkumpul serta memenuhi keperluan Standard.*

- 5.3. Permohonan tahap yang lebih tinggi bagi pemohon yang telah memiliki SKM pada tahap yang rendah boleh dibuat sekiranya pengalaman kerja yang dimiliki adalah setara dengan tahap yang hendak dipohon;
- 5.4. Pemegang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Peringkat Asas/Pertengahan/Tinggi adalah dibenarkan untuk memohon persijilan ke peringkat yang lebih tinggi di bawah bidang yang sama berdasarkan **Jadual 3** berikut:

Jadual 3: Tahap persijilan yang layak dipohon

Jenis Persijilan (Lama)	Tahap Persijilan Yang Layak Dipohon
SKM Peringkat Asas	SKM Tahap 2
SKM Peringkat Pertengahan	SKM Tahap 3
SKM Peringkat Tinggi	DKM

- 5.5. Bagi pemegang-pemegang sijil kemahiran atau kelayakkan lain yang dikeluarkan oleh agensi awam boleh memohon SKM melalui kaedah ini dengan mengambil kira tempoh pengalaman kerja seperti dalam **Jadual 4**:

Jadual 4 : Tempoh Minimum Pengalaman Kerja Bagi Pemegang Sijil Kemahiran / Kelayakkan Lain Yang Diiktiraf

Tahap Persijilan	Tempoh Minimum Pengalaman Kerja Dalam Bidang Berkaitan – Permohonan persijilan penuh	Telah mempunyai SKM pada tahap terendah dari tahap yang dipohon
SKM Tahap 1	6 bulan pengalaman kerja	Tidak berkaitan
SKM Tahap 2	* 1 tahun pengalaman kerja	Memiliki SKM Tahap 1 dan 6 bulan pengalaman kerja
SKM Tahap 3	* 2 tahun pengalaman kerja	Memiliki SKM Tahap 2 dan 6 bulan pengalaman kerja
DKM	* 3 tahun pengalaman kerja	Memiliki SKM Tahap 3 dan 1 tahun pengalaman kerja
DLKM	* 5 tahun pengalaman kerja	Memiliki DKM dan 1 tahun pengalaman kerja

- 5.6. Individu yang dianugerahkan Persijilan Kemahiran Malaysia yang ingin bekerja dalam industri berkaitan perlu memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Agensi/Badan Perlesenan yang berkenaan
- 5.7. Permohonan hendaklah berdasarkan bidang kemahiran seperti yang tersenarai dalam Daftar Standard terkini kecuali bagi Program yang tidak boleh dipersijilkan melalui PPT iaitu :
 - i. Program dibawah sub-sektor Ujian Tanpa Musnah-Minyak & Gas (*Non-Destructive Testing Services-Oil & Gas*); dan
 - ii. Program K-SLDN yang telah diluluskan sebagai NOSS.
- 5.8. Permohonan boleh dibuat secara mengikut tahap, single tier atau modular. Namun begitu, penilaian dan verifikasi dilaksanakan setiap tahap atau unit kompetensi (CU) yang dipohon bermula pada tahap yang terendah dahulu;
- 5.9. Permohonan secara single tier atau modular hanya dibenarkan melalui Pusat Bertauliah PPT (PB-PPT). Pemohon boleh mencadangkan nama PB-PPT yang dipilih semasa mengisi borang permohonan;
- 5.10. Individu boleh mengemukakan permohonan bagi satu tahap atau lebih daripada satu tahap, sama ada secara berasingan atau bergabung seperti dalam Jadual 5;

Jadual 5: Permohonan Persijilan Mengikut Tahap

Bil.	Permohonan Persijilan	Gabungan Tahap yang dibenarkan
1.	SKM Tahap 1 hingga 3	Tahap 1 sahaja
		Tahap 2 sahaja
		Tahap 3 sahaja
		Tahap 1 dan 2 sahaja
		Tahap 2 dan 3 sahaja
		Tahap 1,2 dan 3

2.	DKM dan DLKM	DKM
		DLKM
		DKM dan DLKM
3.	Gabungan SKM Tahap 1, 2, 3, DKM dan DLKM	Tahap 1, 2, 3 dan DKM
		Tahap 2, 3 dan DKM
		Tahap 3 dan DKM
		Tahap 3, DKM dan DLKM
		Tahap 2, 3, DKM dan DLKM
		Tahap 1, 2, 3, DKM dan DLKM

**Nota: Gabungan tahap selain yang dinyatakan di atas adalah tidak dibenarkan.*

5.11. Setiap permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran bersama-sama dokumen berikut:

- a) Bayaran permohonan;
- b) Salinan Kad Pengenalan atau dokumen pengenalan diri pemohon yang disahkan ;
- c) Surat pengesahan majikan atau surat akuan sumpah (bagi calon yang tiada majikan atau bekerja sendiri) beserta tempoh pengalaman bekerja dalam bidang kemahiran berkenaan seperti contoh di Lampiran 1;
 - i. Lampiran 1a (Contoh surat pengesahan majikan);
 - ii. Lampiran 1b (Contoh surat akuan sumpah bagi pemohon pemilikan tunggal); dan
 - iii. Lampiran 1c (Contoh surat akuan sumpah bagi pemohon bekerja sendiri/berpegalaman yang tidak mempunyai syarikat).
- d) Salinan Sijil tertinggi yang dimiliki dan disahkan (jika ada); dan

5.12. Pengesahan salinan dokumen-dokumen hendaklah dibuat oleh majikan, pegawai kerajaan kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Ketua Kampung/Mukim/Penghulu;

5.13. Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat yang ditetapkan akan ditolak dan bayaran tidak akan dikembalikan sekiranya resit rasmi telah dikeluarkan.

6.0 KADAR FI DAN CAJ PERMOHONAN

6.1. Kadar fi dan caj permohonan mengikut kadar fi dan caj yang sedang berkuatkuasa; dan

6.2. Bayaran bagi setiap permohonan hendaklah dibuat dalam bentuk Kiriman Wang, Deraf Bank, Pesanan Kerajaan (L.O.) dan atas nama 'KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN' yang memiliki tempoh sahlaku sekurang-

kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh permohonan diterima dan bentuk bayaran lain yang dibenarkan oleh JPK dari masa ke semasa.

- 6.3. Bagi permohonan Persijilan Modular Kadar Fi dan Caj dikenakan kepada calon bagi setiap CU yang didaftarkan dalam satu masa.

7.0 PERSONEL PPT

- 7.1. Calon, Pegawai Penilai (PP-PPT), Pegawai Pengesah Luaran (PPL-PPT) dan Penyelaras-PPT merupakan personel PPT yang terlibat secara langsung sepanjang proses Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT. Kriteria, peranan dan tanggungjawab bagi personel PPT boleh dirujuk dalam panduan berikut:
- a) Panduan Calon– Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (Calon-PPT);
 - b) Panduan Pegawai Penilai – Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PP-PPT);
 - c) Panduan Pegawai Pengesah Luaran – Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPL-PPT); dan
 - d) Panduan Pusat Bertauliah – Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PB-PPT) – Penyelaras-PPT.
- 7.2. Personel PPT tidak boleh mempunyai kepentingan, hubungan kekeluargaan atau peribadi di antara satu sama lain dalam proses pelaksanaan penilaian. Personel berkenaan hendaklah segera memaklumkan kepada pihak JPK sekiranya perkara ini berlaku; dan
- 7.3. Tindakan akan diambil oleh JPK sekiranya ada aduan berkaitan ketidaktelusan atau salah guna kuasa oleh Personel PPT.

8.0 PENILAIAN KETERAMPILAN

- 8.1. Penilaian keterampilan dilaksanakan bertujuan untuk menyemak, menilai dan mengesahkan bukti-bukti keterampilan yang dikemukakan atau tahap keterampilan calon melalui dua (2) kaedah penilaian iaitu:
- iii. Penilaian Portfolio; atau
 - iv. Penilaian Amali.
- 8.2. Penilaian keterampilan dilaksanakan bagi memenuhi keperluan Standard yang ditetapkan;
- 8.3. Semasa pendaftaran, calon dikehendaki memilih kaedah penilaian keterampilan yang ingin diikuti iaitu samada Penilaian Portfolio atau Penilaian amali;

- 8.4. Pelaksanaan mengikut penilaian keterampilan yang dilaksanakan adalah merujuk panduan-panduan berikut:
- v. Panduan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) melalui Penilaian Portfolio (mengikut tahap, *Single Tier* atau Modular); dan
 - vi. Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) melalui Penilaian amali (mengikut tahap, *Single Tier* atau modular).
- 8.5. Penilaian hendaklah dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan seperti di dalam **Jadual 6** selepas notis penugasan PP-PPT dikeluarkan; dan

Jadual 6: Kaedah dan Tempoh Penilaian Maksimum

Tahap Persijilan	Kaedah	Tempoh Penilaian Maksimum
SKM Tahap 1/2/3	i. Penilaian Portfolio atau	2 bulan
	ii. Penilaian amali	
DKM/DLKM	i. Penilaian Portfolio + Penilaian Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT); atau	5 bulan (2 bulan – portfolio / penilaian amali; 3 bulan – LPKT)
	ii. Penilaian amali + Penilaian Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT)	
VTO	i. Penilaian Portfolio + Pembangunan WIM + Pembentangan (Teknik Mengajar)	2 bulan
VTE/VTM	i. Penilaian Portfolio + Penilaian Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT)	5 bulan (2 bulan – portfolio; 3 bulan – LPKT)

- 8.6. Tempoh penilaian adalah sama walaupun permohonan dibuat pada satu tahap atau mengikut gabungan tahap (*Single Tier*) di mana tiada tambahan tempoh penilaian diberikan jika sekiranya calon memohon lebih daripada satu tahap. Penetapan tempoh penilaian juga berdasarkan kepada tahap tertinggi yang dipohon oleh calon.
- 8.7. Bagi Program Modular tempoh penilaian adalah seperti **Jadual 7** :

Jadual 7: Tempoh Penilaian bagi Program Modular (Maksimum)

Bil Permohonan Persijilan Modular	Tempoh Penilaian Maksimum	Proses Penilaian
1 hingga 5 CU	1 bulan	i. Penilaian Portfolio atau ii. Penilaian Amali
6 hingga 10 CU	2 bulan	i. Penilaian Portfolio atau ii. Penilaian Amali
Lebih dari 10 CU	3 bulan	i. Penilaian Portfolio atau ii. Penilaian Amali

- 8.8. Permohonan pelanjutan tempoh penilaian hanya dibenarkan atas sebab masalah kesihatan dan bukti perlu dikemukakan bagi menyokong permohonan pelanjutan tersebut.

9.0 VERIFIKASI

- 9.1. Verifikasi bertujuan mengesahkan pelaksanaan penilaian yang dilaksanakan oleh PP-PPT terhadap calon;
- 9.2. Verifikasi akan dilaksanakan oleh Pegawai Pengesah Luaran (PPL-PPT) atau personel yang dilantik oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran;
- 9.3. Bagi permohonan single tier secara Penilaian Portfolio verifikasi akan dilaksanakan pada semua tahap. Penilaian tidak akan dilaksanakan kepada tahap yang lebih tinggi sekiranya bukti-bukti keterampilan yang dikemukakan tidak memenuhi dan menepati keperluan standard bagi tahap yang lebih rendah dalam program yang dipohon;
- 9.4. Bagi permohonan modular setiap program yang berbeza akan diverifikasi secara berasingan; dan
- 9.5. Laporan verifikasi PPL-PPT perlu dikemukakan kepada Jabatan dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja selepas lawatan verifikasi dilaksanakan. Laporan tersebut hendaklah disertakan bersama-sama dokumen berikut, iaitu:
- Laporan Verifikasi PPL-PPT; dan
 - Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

10.0 PERSIJILAN

10.1. Persijilan Bagi Program Penuh

- PPL-PPT hendaklah mengemukakan Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) mengikut kaedah penilaian yang sedang berkuatkuasa.
- Bagi permohonan mengikut tahap, persijilan akan dianugerahkan mengikut setiap tahap yang layak. Manakala permohonan secara *single tier*, SKM/DKM/DLKM hanya dikeluarkan pada tahap tertinggi yang dipohon (sekiranya layak).
- Syarat penganugerahan persijilan adalah seperti seperti di dalam **Jadual 8** berikut:

Jadual 8: Syarat penganugerahan persijilan

Program	Syarat penganugerahan	
	Permohonan mengikut tahap	Permohonan <i>single tier</i>
SKM tahap 1, 2 dan 3	Terampil semua duti / unit kompetensi	Terampil semua duti / unit kompetensi
VTO	i- Terampil semua <i>duties</i> dan <i>tasks</i> / unit kompetensi; ii- Terampil sesi pembentangan (Teknik Mengajar); dan iii-Terampil pembangunan WIM (3 set teori dan 3 set praktikal).	Tidak berkenaan
Program DKM/DLKM (termasuk program VTE/VTM)	i-Terampil semua duti/unit kompetensi; dan ii-Terampil penilaian LPKT	i-Terampil semua duti/unit kompetensi; dan ii-Terampil penilaian LPKT
Penyata Pencapaian (PC)	Terampil sebahagian duti / minima satu (1) unit kompetensi	Tidak berkenaan

- d) Calon yang gagal boleh memohon semula dengan mengemukakan permohonan yang baharu.

10.2. Permohonan Penyata Pencapaian (PC) Bagi Program Modular

- a) Penyata Pencapaian (PC) hanya akan dianugerahkan kepada calon yang mencapai tahap keterampilan yang digariskan di dalam Standard serta syarat-syarat tambahan lain yang ditetapkan;
- b) Penganugerahan Penyata Pencapaian (PC) hanya akan merujuk kepada borang Permohonan SKM/DKM/DLKM Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) yang telah disahkan oleh PPL-PPT;
- c) Bagi calon yang telah memenuhi semua CU boleh memohon SKM/DKM/DLKM tanpa bayaran dengan memenuhi syarat-syarat berikut, iaitu:
 - i Terampil semua CU;
 - ii Terampil sesi pembentangan dan penulisan laporan (DKM/DLKM);
 - iii Bagi calon yang gagal mana-mana syarat di atas atau tidak hadir sesi pembentangan, calon akan dianggap gagal.
- d) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran bersama-sama dokumen sokongan:

- i. Borang Permohonan SKM/DKM/DLKM Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) yang telah disahkan oleh PPL-PPT;
 - ii. Mengemukakan Penyata Pencapaian (PC) asal bagi setiap CU program yang dipohon; dan
 - iii. Salinan Kad Pengenalan/ Passport pemohon
- e) Bagi calon yang gagal, calon hendaklah memohon semula dengan mengemukakan bayaran pendaftaran yang baharu.

B. PANDUAN CALON - PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU

1.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

- 1.1. Setelah menerima Notis Pendaftaran Calon dan Penugasan PP-PPT, calon hendaklah:
 - a. Menyemak Notis Pendaftaran Calon dan Penugasan PP-PPT yang diterima dengan meneliti nama/alamat/no. telefon, program, tempoh penilaian dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan;
 - b. Menghubungi Pegawai Penilai (PP-PPT) bagi menentukan masa dan lokasi perjumpaan;
 - c. Melaporkan kepada JPK sekiranya wujud hubungan kekeluargaan atau kepentingan peribadi dengan PP-PPT; dan
 - d. Melaporkan kepada JPK sekiranya terdapat kesilapan maklumat pada notis Pendaftaran dan Penugasan PP-PPT.

2.0 PENILAIAN PORTFOLIO

- 2.1. Semasa sesi kaunseling, calon hendaklah:
 - a. Menghubungi dan berjumpa PP-PPT bagi mendapatkan maklumat serta bimbingan berkaitan kaedah dan prosedur pembangunan portfolio, Standard yang digunakan, penyediaan bukti-bukti keterampilan serta proses-proses yang dilaksanakan sepanjang tempoh penilaian;
 - b. Menyenaraikan semua bukti keterampilan yang dimiliki dengan menggunakan Senarai Bukti-Bukti Keterampilan Calon PPT;
 - c. Membuat perbandingan di antara bukti-bukti keterampilan yang dimiliki dengan Standard menggunakan Jadual Perbandingan Standard Dengan Bukti-Bukti Keterampilan Calon PPT. Bagi tujuan perbandingan ini, calon hendaklah mendapatkan khidmat nasihat daripada PP-PPT supaya bukti-bukti keterampilan yang dimiliki memenuhi keperluan Standard;
 - d. Memastikan bahawa sesi kaunseling dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan; dan
 - e. Mendapatkan pengesahan daripada PP-PPT bagi setiap bukti-bukti keterampilan yang dikemukakan.
- 2.2. Proses kaunseling boleh dibuat berulang kali dalam tempoh yang telah ditetapkan sehingga PP-PPT bersedia untuk membuat pengesyoran kelayakan Sijil calon;

2.3. Semasa sesi penilaian calon hendaklah:

- a. Memaklumkan kepada PP-PPT apabila telah sedia untuk dinilai;
- b. Bekerjasama dengan PP-PPT dan merekodkan setiap aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tempoh penilaian di dalam borang Laporan Penilaian Keterampilan Calon Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu;
- c. Mengaturkan sesi lawatan PP-PPT ke tempat kerja bagi tujuan pengesahan keterampilan (jika perlu dan mendapat kebenaran majikan);
- d. Mengemukakan bukti-bukti keterampilan yang sahih, boleh percaya dan mencukupi kepada PP-PPT untuk dinilai; dan
- e. Berbincang dengan PP-PPT yang dilantik bagi menentukan tempat, tarikh dan masa verifikasi.

2.4. Semasa sesi verifikasi calon hendaklah:

- a. Memastikan perkara-perkara berikut adalah lengkap bagi tujuan verifikasi, iaitu:
 - i. Portfolio yang mengandungi bukti-bukti keterampilan yang telah disemak, dinilai dan disahkan oleh PP-PPT;
 - ii. Borang Laporan Penilaian Keterampilan Calon Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT);
 - iii. Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT); dan
 - iv. Peralatan seperti LCD, komputer dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan seperti slaid pembentangan dan draf laporan bagi tujuan pembentangan.
- b. Menghadirkan diri, memberi maklumbalas dan memberi kerjasama kepada PPL-PPT sepanjang pelaksanaan sesi verifikasi tersebut;
- c. Bertanggungjawab terhadap semua bukti yang dikemukakan; dan
- d. Membawa bersama dokumen asal sebagai bukti keterampilan ketika sesi verifikasi. Sekiranya calon tidak mengemukakan dokumen berkenaan atau tidak hadir sesi verifikasi maka calon adalah gagal.

3.0 PENILAIAN AMALI

- 3.1. Sebelum menjalani ujian kekompetenan, calon hendaklah
- a. Mencadangkan tempat Penilaian amali yang hendak dijalankan semasa permohonan awal kepada JPK;
 - b. Menyediakan bahan penilaian (bahan gunahabis dan peralatan tangan) sendiri semasa penilaian dijalankan seperti senarai yang akan ditetapkan;
 - c. Bersedia menduduki penilaian amali dalam tempoh sebulan selepas didaftarkan. Manakala bagi calon DKM/DLKM, penilaian LPKT dilaksanakan selepas lulus penilaian amali.

4.0 PENILAIAN PROGRAM VTO

- 4.1 Bagi penilaian program Pegawai Latihan Vokasional (VTO), calon hendaklah melaksanakan perkara-perkara tambahan berikut, iaitu:
- a. Membangunkan Bahan Pengajaran Bertulis (WIM) (3 set teori dan 3 set amali) yang merangkumi Pelan Mengajar, Kertas Penerangan, Kertas Tugas dan Kertas Kerja dengan merujuk kepada Panduan Pembangunan Bahan Pengajaran Bertulis (WIM) dan Penilaian Berterusan;
 - b. Menyediakan keperluan seperti LCD, komputer dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan bagi tujuan sesi pengajaran;
 - c. Membuat pembentangan pra-penilaian teknik mengajar untuk dinilai oleh PP-PPT dengan menggunakan Laporan Penilaian Pembentangan Calon melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT); dan
 - d. Membuat pembentangan bagi teknik mengajar semasa sesi verifikasi untuk dinilai dan ditentukan oleh PPL-PPT dengan menggunakan borang Laporan Penilaian Pembentangan Calon melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

5.0 PENILAIAN LPKT (DKM/DLKM)

- 5.1 Bagi permohonan DKM atau DLKM, calon hendaklah melaksanakan perkara-perkara tambahan berikut, iaitu:
- a. Membangunkan Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT) dan menyediakan laporan menggunakan format yang digariskan dalam LPKT;
 - b. Calon boleh memilih mana-mana duti atau unit kompetensi (CU) secara gabungan yang dapat menjelaskan aktiviti atau proses mengikut turutan;

- c. Menyediakan peralatan pembentangan yang berkaitan bagi tujuan pembentangan (sekiranya perlu); dan
 - e. Membuat pembentangan bagi LPKT yang dibangunkan semasa lawatan verifikasi PPL-PPT dan mengesahkan maklumat pada borang Laporan Penilaian Keterampilan Calon melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).
- 5.2 Calon akan menerima satu (1) borang asal Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) yang telah disahkan dan ditandatangani oleh PP-PPT serta PPL-PPT; dan
- 5.3 Calon hendaklah mengemukakan aduan sekiranya PP-PPT tidak memberi kerjasama sepanjang sesi kaunseling dan penilaian.

6.0 PENAMATAN CALON

- 6.1 Jabatan berhak menamatkan permohonan calon sekiranya:
- a. Melebihi tempoh yang ditetapkan;
 - b. Tidak memberi kerjasama sepanjang sesi kaunseling dan penilaian; atau
 - c. Tidak hadir semasa sesi verifikasi PPL-PPT.
- 6.2 Sekiranya calon tidak mahu meneruskan proses penilaian PPT, calon hendaklah mengemukakan permohonan secara rasmi kepada JPK (calon tidak berhak menuntut sebarang bayaran).

7.0 PERKARA YANG DILARANG

- 7.1 Calon adalah **DILARANG** untuk melakukan perkara-perkara berikut, iaitu:
- a. Melakukan perkara-perkara yang boleh menjatuhkan imej Persijilan Kemahiran Malaysia;
 - b. Tidak memberi kerjasama sepanjang tempoh penilaian;
 - c. Menangguhkan proses penilaian tanpa sebab;
 - d. Memberi keterangan palsu semasa sesi temuduga;
 - e. Memburuk-burukkan peribadi PP-PPT kepada orang lain;
 - f. Memberi wang/hadiah kepada PP-PPT atau PPL-PPT;
 - g. Mengemukakan bukti-bukti palsu; atau
 - h. Tidak melaporkan kepada JPK sekiranya wujud hubungan kekeluargaan atau kepentingan peribadi dengan PP-PPT atau PPL-PPT.

- 7.2 Tindakan tatatertib boleh dikenakan kepada mana-mana calon yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan. Berikut adalah antara tindakan yang boleh dikenakan, iaitu:
- a. Meminta penjelasan daripada calon secara bertulis;
 - b. Menarik balik penganugerahan Sijil; atau
 - c. Menamatkan tempoh penilaian.

C. PANDUAN PEGAWAI PENILAI PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PP-PPT)

1.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

1.1 Setelah menerima Notis Pendaftaran Calon dan Penugasan PP-PPT, PP-PPT hendaklah:

- a. Menyemak arahan penugasan yang diterima dengan meneliti nama, alamat, no. telefon calon, program, tempoh penilaian dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan;
- b. Menghubungi calon bagi menentukan masa dan tempat perjumpaan;
- c. Melaporkan kepada JPK sekiranya wujud hubungan kekeluargaan atau kepentingan peribadi dengan calon; dan
- d. Melaporkan kepada JPK sekiranya terdapat kesilapan maklumat pada notis Pendaftaran dan Penugasan PP-PPT.

2.0 PENILAIAN PORTFOLIO

2.1 Semasa sesi Kaunseling, PP-PPT hendaklah:

- a. Menerangkan kepada calon kaedah dan prosedur pembangunan portfolio, Standard yang digunakan, penyediaan bukti-bukti keterampilan serta memaklumkan kepada calon berkaitan proses-proses yang dilaksanakan sepanjang tempoh penilaian;
- b. Melengkapkan dan merekodkan setiap aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tempoh penilaian serta mengesahkan semua bukti keterampilan calon di dalam Borang Laporan Penilaian Keterampilan Calon Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu; dan
- c. Membimbing calon semasa proses perbandingan di antara Standard dengan bukti-bukti keterampilan yang dimiliki oleh calon dengan menggunakan Laporan Penilaian Keterampilan Calon Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu.

2.2 Proses kaunseling boleh dibuat berulang kali dalam tempoh yang telah ditetapkan sehingga PP-PPT bersedia untuk membuat pengesyoran tentang kelayakan Sijil (Tuntutan yang dibenarkan oleh JPK adalah tertakluk kepada perkara 7.0).

2.3 Semasa sesi penilaian, PP-PPT hendaklah:

- a. Menyemak, menilai dan mengesahkan bukti-bukti keterampilan serta sesi pembentangan untuk program DKM/DLKM/VTO/VTE/VTM dengan merujuk kepada Standard;
- b. Menolak bukti sekiranya mendapati bukti yang disediakan oleh calon tidak sah atau tidak boleh percaya;
- c. Mencadangkan kepada calon untuk mendapatkan bukti-bukti tambahan bagi mana-mana bukti yang disediakan tidak mencukupi;
- d. Menyediakan laporan aktiviti dan penilaian bukti-bukti keterampilan calon setelah semua proses penilaian selesai dilaksanakan dengan melengkapkan borang Laporan Penilaian Keterampilan Calon Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu. Laporan ini perlu mendapat pengesahan calon sebelum dikemukakan kepada PPL-PPT semasa verifikasi dilaksanakan;
- e. Memastikan sesi kaunseling dan penilaian dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan oleh JPK; dan
- f. Mengesyorkan Sijil yang layak diterima oleh calon berdasarkan bukti keterampilan yang dikemukakan;

2.4 Setelah tamat sesi penilaian PP-PPT hendaklah mengemukakan borang Permohonan Verifikasi PPL-PPT kepada JPK. Tarikh, masa dan tempat cadangan verifikasi PPL-PPT hendaklah dipersetujui bersama calon;

2.5 PP-PPT hendaklah memaklumkan kepada calon maklumat sesi verifikasi berdasarkan surat penugasan verifikasi PPL-PPT yang telah diterima;

2.6 Semasa sesi verifikasi, PP-PPT hendaklah:

- a. Memastikan kehadiran calon semasa sesi verifikasi dilaksanakan;
- b. Memastikan calon membawa portfolio yang mengandungi borang-borang
 - i. Laporan Penilaian Keterampilan Calon Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
 - ii. Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT); dan
 - iii. Salinan bukti-bukti keterampilan yang telah disemak, dinilai dan disahkan;
- c. Memastikan calon membawa bersama dokumen asal sebagai bukti keterampilan ketika sesi verifikasi; dan
- d. Bertanggungjawab ke atas pengesahan yang telah dibuat terhadap semua bukti yang dikemukakan oleh calon.

3.0 PENILAIAN VTO

3.1 Bagi penilaian program Pegawai Latihan Vokasional (VTO), PP-PPT hendaklah melaksanakan perkara-perkara tambahan berikut, iaitu:

- a. Membimbing calon membangunkan Bahan Pengajaran Bertulis (WIM) yang merangkumi Pelan Mengajar, Kertas Penerangan, Kertas Tugas dan Kertas Kerja dengan merujuk kepada Panduan Pembangunan Bahan Pengajaran Bertulis (WIM) dan Penilaian Berterusan yang dibangunkan oleh CIAST;
- b. Menyemak, menilai dan mengesahkan WIM yang dibangunkan oleh calon serta menilai teknik mengajar (lesson practice) calon di tempat kerja sebenar calon dengan melengkapkan Borang Laporan Penilaian Pembentangan calon melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT);
- c. Menghadiri sesi pembentangan teknik mengajar calon semasa sesi verifikasi PPL-PPT dan melengkapkan Borang Laporan Penilaian Pembentangan calon melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT); dan
- d. Mengesyorkan jenis Sijil yang layak dianugerahkan kepada calon.

4.0 PENILAIAN LPKT

4.1 Bagi permohonan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM), PP-PPT hendaklah melaksanakan perkara-perkara tambahan berikut semasa sesi penilaian, iaitu:

- a. Membimbing calon menyediakan Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT) dengan merujuk Panduan Pembangunan & Pembentangan KPT DKM/DLKM;
- b. Menyemak, menilai dan mengesahkan laporan KPT yang disediakan oleh calon;
- c. Memastikan LPKT yang dibangunkan serta laporan yang disediakan memenuhi sekurang-kurangnya satu duti atau unit kompetensi (CU) atau secara gabungan yang mana dapat menjelaskan aktiviti atau proses mengikut turutan.
- d. Menjadi panel penilai bersama-sama PPL-PPT semasa sesi pembentangan dengan melengkapkan Borang Laporan Penilaian Pembentangan calon melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) (sekiranya perlu dengan kebenaran JPK); dan
- e. Mengesyorkan jenis Sijil yang layak dianugerahkan kepada calon menggunakan Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

5.0 PENAMATAN PENUGASAN PP-PPT

5.1 Penugasan PP-PPT akan ditamatkan sekiranya:

- i. PP-PPT tidak memberi kerjasama sepanjang sesi kaunseling dan penilaian;
- ii. PP-PPT tidak mengikut tempoh kaunseling dan penilaian yang ditetapkan; atau
- iii. Terdapat aduan terhadap PP-PPT tidak melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti yang telah ditetapkan oleh JPK.

6.0 PERKARA YANG DILARANG

6.1 PP-PPT adalah dilarang untuk melakukan perkara-perkara berikut, iaitu:

- a. Menilai dan memberi kaunseling kepada mana-mana individu yang mempunyai kepentingan atau hubungan kekeluargaan dengan PP-PPT. PP-PPT hendaklah segera memaklumkan kepada pihak JPK jika menerima penugasan yang melibatkan individu berkenaan.
- b. Mengenakan atau menerima sebarang bentuk bayaran/hadiah untuk khidmat kaunseling, atau apa-apa bayaran perkhidmatan daripada calon;
- c. Mengarahkan calon menggunakan mana-mana perunding bagi mendapatkan tambahan bukti-bukti keterampilan bagi pembangunan portfolio;
- d. Memaksa calon mengikuti latihan di tempat yang ditetapkan bagi mendapatkan bukti-bukti tambahan;
- e. Membangun portfolio dan laporan KPT untuk calon;
- f. Menyusahkan calon dengan tindak-tanduk yang sengaja diada-adakan;
- g. Menangguhkan proses penilaian tanpa sebab;
- h. Mengemukakan tuntutan palsu;
- i. Memaksa atau mendesak PPL-PPT untuk meluluskan calon;
- j. Memberi janji kepada calon yang berdaftar melalui PPT, akan lulus walaupun sesi verifikasi belum dilaksanakan;
- k. Tidak melaporkan kepada JPK sekiranya wujud hubungan kekeluargaan atau kepentingan peribadi dengan calon atau PPL-PPT; dan
- l. Melakukan perkara-perkara yang boleh menjatuhkan imej Persijilan Kemahiran Malaysia.

- 6.2 Tindakan tatatertib boleh dikenakan kepada mana-mana PP-PPT yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan. Berikut adalah antara tindakan yang boleh dikenakan, iaitu:
- a. Meminta penjelasan daripada PP-PPT secara bertulis;
 - b. Menggantungkan pelantikan PP-PPT untuk sesuatu tempoh yang ditetapkan; dan
 - c. Menarik balik atau menamatkan lantikan PP-PPT.
- 6.3 PP-PPT hendaklah sentiasa mengikuti perkembangan JPK melalui laman web jabatan.

7.0 TUNTUTAN PERSONEL

- 7.1 PP-PPT adalah layak mengemukakan tuntutan elaun perjalanan dan bayaran penilaian PP-PPT bagi setiap penilaian yang dilaksanakan dengan merujuk kepada Pekeliling dan Peraturan Perbendaharaan semasa yang berkuatkuasa.
- 7.2 PP-PPT hanya boleh membuat tuntutan perjalanan termasuk makan, minum dan penginapan bagi:
- a. Dua sesi kaunseling dan penilaian; dan
 - b. Satu sesi verifikasi bersama PPL-PPT (sekiranya perlu dengan kebenaran JPK).
- 7.3 PP-PPT hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut semasa mengemukakan tuntutan, iaitu:
- a. Borang Tuntutan Perjalanan Dalam Negara (TNT) dengan disertakan resit asal bagi setiap perbelanjaan yang dibuat; dan
 - b. Borang Tuntutan Bayaran Penilaian PPT beserta surat penugasan dan Laporan Penilaian Keterampilan Calon Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).
- 7.4 Tuntutan TNT hendaklah dikemukakan kepada JPK sebelum 5 haribulan bulan berikutnya selepas tugas dilaksanakan.
- 7.5 Tuntutan Penilaian PP-PPT hendaklah dikemukakan kepada JPK selepas verifikasi PPL-PPT sebelum 10 haribulan bulan berikutnya.
- 7.6 Sebarang kelewatan tuntutan perkara 7.4 dan 7.5 tidak akan diproses dan rayuan tidak akan diterima.

D. PANDUAN TAMBAHAN PEGAWAI PENGESAH LUARAN - PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPL-PPT)

1.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

1.1. Setelah menerima surat penugasan verifikasi, PPL-PPT hendaklah :

- a. Menyemak arahan penugasan yang diterima dengan meneliti maklumat calon, tarikh dan tempat verifikasi serta maklumat-maklumat lain yang berkaitan;
- b. Sekiranya perlu, boleh menghubungi PP-PPT bagi mengesahkan tarikh, masa dan lokasi verifikasi.
- c. Melaporkan kepada JPK sekiranya terdapat kesilapan maklumat pada notis Pendaftaran dan Penugasan PP-PPT;
- d. Melaporkan kepada JPK sekiranya wujud hubungan kekeluargaan atau kepentingan peribadi dengan calon; dan

1.2. PPL-PPT hendaklah sentiasa mengikuti perkembangan JPK melalui laman web jabatan.

2.0 PENILAIAN PORTFOLIO

2.1. Semasa sesi verifikasi, PPL-PPT hendaklah :

- a. Mengesahkan bukti keterampilan yang dikemukakan sahih, boleh dipercayai dan mencukupi serta melaksanakan sesi soal jawab kepada calon;
- b. Menyemak dan mengesahkan dokumen-dokumen berikut, iaitu:
 - i. Portfolio yang mengandungi bukti-bukti keterampilan yang telah disemak, dinilai dan disahkan oleh PP-PPT;
 - ii. Laporan Penilaian Keterampilan Calon Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT); dan
 - iii. Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

3.0 PENILAIAN LPKT DAN VTO

- 3.1. Bagi permohonan program VTO/DKM/DLKM, PPL-PPT hendaklah menjadi panel penilai bersama PP-PPT (sekiranya perlu dengan kebenaran JPK) semasa sesi pembentangan calon dengan melaksanakan perkara-perkara tambahan berikut, iaitu:

3.1.1. Verifikasi LPKT

- a. Memastikan LPKT yang dibangunkan serta laporan yang disediakan memenuhi sekurang-kurangnya satu duti atau unit kompetensi (CU) atau secara gabungan yang mana dapat menjelaskan aktiviti atau proses mengikut turutan;
- b. Melengkapkan Laporan Penilaian Pembentangan Calon Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT); dan
- c. Menyemak deraf Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT);

atau

3.1.2. Verifikasi VTO

- a. Melengkapkan Laporan Penilaian Pembentangan Calon Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).
- b. Menyemak, menilai dan mengesahkan WIM yang dibangunkan oleh calon serta menilai teknik mengajar (lesson practice) calon di tempat kerja sebenar calon.

4.0 PERSIJILAN

- 4.1. PPL-PPT hendaklah mengesahkan jenis Sijil yang layak dianugerahkan kepada calon menggunakan Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT); dan

5.0 PERKARA YANG DILARANG

- 5.1. PPL-PPT adalah **dilarang** untuk melakukan perkara-perkara berikut, iaitu:

- a. Menilai dan mengesahkan mana-mana individu yang mempunyai kepentingan atau hubungan kekeluargaan diantara PP-PPT dan calon. PPL-PPT hendaklah segera memaklumkan kepada pihak JPK jika menerima penugasan yang melibatkan individu berkenaan;
- b. Mengenakan atau menerima sebarang bentuk bayaran/hadiah untuk khidmat kaunseling, atau apa-apa bayaran perkhidmatan daripada PP-PPT/calon;
- c. Melakukan perkara-perkara yang boleh menjatuhkan imej Persijilan Kemahiran Malaysia;

- d. Melengah-lengahkan proses verifikasi tanpa sebab munasabah;
 - e. Menyusahkan calon dengan tindak tanduk yang sengaja diada-adakan (contohnya meminta calon untuk melakukan demo sedangkan portfolio telah lengkap dan bukti adalah sah);
 - f. Menukar tarikh verifikasi dengan sewenang-wenangnya tanpa kebenaran JPK;
 - g. Memberi maklumat yang tidak tepat kepada calon mengenai Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;
 - h. Membuat laporan palsu terhadap calon atau PP-PPT kepada pihak Jabatan; dan
 - i. Mengemukakan tuntutan palsu.
- 5.2. Tindakan tatatertib boleh dikenakan kepada mana-mana PPL-PPT yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan. Tindakan yang boleh dikenakan adalah seperti yang berikut, iaitu:
- a. Meminta penjelasan daripada PPL-PPT secara bertulis;
 - b. Menggantung pelantikan PPL-PPT untuk sesuatu tempoh yang ditetapkan; dan
 - c. Menarik balik atau menamatkan pelantikan PPL-PPT.

6.0 TUNTUTAN PERSONEL

- 6.1. PPL-PPT adalah layak mengemukakan tuntutan elaun perjalanan dan tuntutan verifikasi PPL-PPT bagi setiap verifikasi yang dilaksanakan dengan merujuk kepada Pekeliling dan Peraturan Perbendaharaan semasa yang berkuatkuasa.
- a. PPL-PPT hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut semasa mengemukakan tuntutan, iaitu:
 - i. Borang Tuntutan Perjalanan Dalam Negara (TNT) dengan disertakan resit asal bagi setiap perbelanjaan yang dibuat;
 - ii. Tuntutan Bayaran Verifikasi PPL-PPT beserta surat penugasan verifikasi; dan
 - iii. Laporan Verifikasi PPL-PPT serta lain-lain dokumen yang berkaitan.
 - b. Setiap tuntutan hendaklah dikemukakan ke JPK apabila lawatan verifikasi telah selesai dilaksanakan dan dikemukakan kepada JPK sebelum 5haribulan bulan berikutnya. Sebarang kelewatan tuntutan ini tidak akan diproses dan rayuan tidak akan diterima.

E. PANDUAN PELAKSANAAN PENILAIAN KETERAMPILAN MELALUI KAEDAH PENILAIAN PORTFOLIO

1.0 PENGENALAN

Panduan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) Secara Penilaian Portfolio adalah bertujuan menetapkan pelaksanaan penilaian portfolio mengikut tahap dan secara *single tier* berdasarkan kepada keperluan Standard. Panduan ini hendaklah dibaca bersama Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dan Panduan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

2.0 PEMBANGUNAN PORTFOLIO

- 2.1. Portfolio adalah dokumen berbentuk *hardcopy* atau *softcopy* bagi menyimpan dan mengumpul bukti-bukti keterampilan berdasarkan kepada pengalaman terdahulu serta kemahiran dalam bidang yang dimiliki oleh calon.
- 2.2. Portfolio yang mengandungi bukti keterampilan hendaklah disediakan oleh calon yang mana ianya memenuhi keperluan Standard.
- 2.3. Bukti-bukti keterampilan calon yang dinilai hendaklah:
 - a) Sahih – bukti yang menunjukkan tugas yang dibuat oleh calon dan menepati keterampilan yang digariskan dalam Standard;
 - b) Boleh percaya – bukti yang diperolehi adalah dari sumber yang boleh dipercayai; dan
 - c) Mencukupi – bukti keterampilan yang dikemukakan memenuhi keperluan Standard.
- 2.4. Bukti keterampilan ini boleh diperolehi daripada sumber-sumber berikut, iaitu:
 - a) Pengalaman di tempat kerja di dalam atau di luar negara;
 - b) Kursus-kursus dalam bidang berkaitan yang telah dihadiri di dalam atau di luar negara;
 - c) Pengalaman hidup seperti hobi dan kerja-kerja sukarela yang berkaitan; dan
 - d) Pencapaian lain termasuk penyertaan dalam pertandingan kemahiran;

2.5. Jenis-jenis bukti yang boleh dikemukakan sebagai bukti keterampilan adalah seperti di **Jadual 9** dan **Jadual 10**;

Jadual 9: Bukti-Bukti Keterampilan Kategori Bukti Kukuh

Jenis-Jenis Bukti	Sumber Diperolehi /Syarat
A. BUKTI KUKUH	
1. Memo/Surat Lantikan/Arahan kerja	- Majikan, Pusat Bertauliah(PB) atau agensi awam/swasta yang berkenaan - Disahkan oleh pegawai atasan
2. Senarai Tugas	- Disahkan oleh pegawai atasan atau majikan.
3. Lesen	- Dikeluarkan oleh Badan Pelesenan yang diiktiraf.
4. Buku Log/Buku Catatan	- Rujuk kepada dokumen asal buku log/buku catatan. - Disahkan oleh pegawai atasan.
5. Surat Akuan	- Majikan, Pusat Bertauliah atau agensi awam/swasta
6. ROC/ROB/ROS	- Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
7. Keputusan Penilaian/Ujian/Peperiksaan	- Dikeluarkan oleh badan/agensi yang diiktiraf - Salinan bukti perlu disertakan bersama dokumen asal
8. Kertas Kerja	- Telah diluluskan oleh majikan atau pihak ketiga*
9. Laporan	- Telah diluluskan oleh majikan atau pihak ketiga*
10. Rekabentuk/ <i>Blueprint</i>	- Bukti disediakan oleh calon - Salinan bukti yang disahkan oleh majikan atau pihak ketiga*
11. Sijil Kursus	- Daripada agensi yang diiktiraf sama ada institut awam/swasta - Disertakan dengan transkrip, jadual waktu atau isi kandungan kursus yang berkaitan
12. Anugerah	- Diiktiraf oleh badan atau agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa

Nota : *Pihak Ketiga adalah Pesuruhjaya Sumpah, Jaksa Pendamai, Ketua Kampung, Penghulu atau Pegawai Pengurusan & Professional.

Jadual 10: Bukti-Bukti Keterampilan Kategori Bukti Sederhana

Jenis-Jenis Bukti	Sumber Diperolehi /Syarat
B. BUKTI SEDERHANA – memerlukan bukti tambahan melalui penyemakan, sesi temuduga atau lawatan ke tempat kerja calon	
1. Hasil Kerja	- Dihasilkan sebelum permohonan dikemukakan. - Disahkan secara bertulis oleh pelanggan/majikan atau pihak ketiga*
2. Perakuan PP-PPT	- Laporan hasil lawatan di tempat kerja calon - Laporan temuduga [Laporan Penilaian Bukti-Bukti Keterampilan Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)]
3. Testimonial (Pelanggan)	- Merupakan pelanggan kepada calon
4. Keratan Akhbar	- Dokumen asal dan disahkan oleh majikan atau pihak ketiga*
5. Artikel	- Dokumen asal dan bertarikh serta disahkan oleh majikan atau pihak ketiga*
6. Bil/Resit/Inbois	- Salinan bukti perlu disertakan bersama dokumen asal bagi tujuan semakan PP-PPT dan PPL-PPT
7. Sampel	- Dilihat dan disahkan oleh PP-PPT dan PPL-PPT.
8. Video/CD	- Salinan bukti perlu disertakan bersama dokumen asal bagi tujuan semakan PP-PPT dan PPL-PPT
9. Dokumen ISO	- Salinan bukti perlu disertakan bersama dokumen asal bagi tujuan semakan PP-PPT dan PPL-PPT
10. Fail Meja	- Salinan bukti perlu disertakan bersama dokumen asal bagi tujuan semakan PP-PPT dan PPL-PPT
11. Gambar	- Diambil sebelum permohonan dikemukakan. - Disahkan secara bertulis oleh majikan/rakan sekerja/pihak ketiga*.

Nota : *Pihak Ketiga adalah Pesuruhjaya Sumpah, Jaksa Pendamai, Ketua Kampung, Penghulu atau Pegawai Pengurusan & Professional.

2.6. Bukti tidak terhad kepada senarai di atas sahaja, calon boleh mengemukakan bukti lain yang disahkan sah dan boleh percaya.

2.7. Pembangunan portfolio adalah mengikut format kandungan dan susun atur seperti berikut:

- a) Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah pengiktirafan pencapaian terdahulu (PPT) – 2 Salinan
- b) Salinan Kad Pengenalan
- c) Notis Pendaftaran dan Penugasan PP-PPT
- d) Surat Akuan Pengesahan Calon (Calon & PP-PPT)

- e) Salinan SKM tertinggi yang dimiliki (jika ada)
- f) Surat perakuan tempoh pengalaman kerja dalam bidang kemahiran yang dipohon :
 - i. Surat pengesahan majikan;
 - ii. Surat Akuan Sumpah oleh Pesuruhjaya Sumpah (calon yang tiada majikan); atau
 - iii. *ROC / ROB bagi calon yang memiliki syarikat sendiri
- g) Carta organisasi tempat kerja
- h) Carta Profil Pekerjaan (JPC) / Carta Profil Kompetensi (CPC)
- i) Laporan Penilaian Keterampilan Calon PPT
- j) Bukti-bukti keterampilan

2.8. Bagi permohonan mengikut tahap atau permohonan secara *single tier*, calon hendaklah membangunkan portfolio bagi semua tahap secara berasingan.

3.0 PENILAIAN PORTFOLIO

- 3.1. Penilaian portfolio merujuk kepada bukti-bukti keterampilan yang dikumpulkan dan difailkan oleh calon memenuhi keperluan Standard. Penilaian dan pengesahan oleh PP-PPT hendaklah dilaksanakan berdasarkan bukti-bukti keterampilan yang telah disediakan merujuk kepada dokumen asal;
- 3.2. Penilaian portfolio dibuat semasa sesi kaunseling pembangunan portfolio di antara calon dan PP-PPT yang dilantik. PP-PPT hendaklah melengkapkan Borang Penilaian Keterampilan Calon PPT bagi merekod aktiviti dan hasil penilaian yang dilaksanakan. Laporan ini hendaklah mendapat pengesahan calon sebelum dikemukakan kepada PPL-PPT semasa verifikasi dilaksanakan;
- 3.3. Proses pembangunan dan penilaian portfolio adalah seperti berikut :
 - a. Calon hendaklah menghubungi dan berjumpa PP-PPT bagi mendapatkan maklumat serta bimbingan berkaitan kaedah dan prosedur pembangunan portfolio, Standard yang digunakan, penyediaan bukti-bukti keterampilan serta proses-proses yang dilaksanakan sepanjang tempoh penilaian;
 - b. PP-PPT hendaklah menerangkan kepada calon kaedah dan prosedur pembangunan portfolio, Standard yang digunakan, penyediaan bukti-bukti keterampilan serta memaklumkan kepada calon berkaitan proses-proses yang dilaksanakan sepanjang tempoh penilaian;
 - c. Calon hendaklah mengumpul dan mengemukakan bukti-bukti keterampilan yang sah, boleh percaya dan mencukupi kepada PP-PPT untuk dinilai;

- d. Calon hendaklah menyenaraikan semua bukti keterampilan dan membuat perbandingan di antara bukti-bukti keterampilan yang dimiliki dengan menggunakan Borang Laporan Penilaian Keterampilan Calon melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT);
 - e. Calon menyediakan dan menyusun dokumen berkaitan serta bukti berdasarkan format kandungan dan susunatur portfolio yang ditetapkan; dan
 - f. PP-PPT hendaklah menilai bukti-bukti keterampilan yang dikemukakan oleh calon memenuhi Standard. PP-PPT hendaklah:
 - i. menolak bukti sekiranya mendapati bukti yang disediakan oleh calon tidak sah atau tidak boleh percaya;
 - ii. mencadangkan kepada calon untuk mendapatkan bukti-bukti tambahan bagi mana-mana bukti yang disediakan tidak mencukupi; dan
 - iii. mengesyorkan untuk diverifikasi dengan mengisi Borang Permohonan verifikasi PPL-PPT.
- 3.4. Tempoh penilaian yang ditetapkan bagi kaedah penilaian ini merujuk kepada Panduan Umum;
 - 3.5. Sekiranya calon memohon lebih daripada satu tahap, tempoh penilaian adalah sama di mana tiada tambahan tempoh penilaian diberikan;
 - 3.6. Sekiranya calon telah bersedia untuk dinilai oleh PPL-PPT, PP-PPT hendaklah mengemukakan Borang Permohonan Verifikasi PPL-PPT kepada JPK bagi tujuan verifikasi; dan
 - 3.7. Sekiranya proses penilaian melebihi tempoh yang ditetapkan, keputusan calon adalah GAGAL di mana permohonan adalah terbatal dan bayaran tidak akan dikembalikan.

4.0 VERIFIKASI PORTFOLIO

- 4.1. Setelah tamat sesi penilaian, PP-PPT hendaklah mengemukakan borang Permohonan Verifikasi PPL-PPT kepada JPK;
- 4.2. PPL-PPT hendaklah melaksanakan verifikasi penilaian bersama calon dan JPK boleh melantik mana-mana personel sekiranya perlu;
- 4.3. Verifikasi portfolio bertujuan untuk menentusahkan penilaian yang telah dibuat oleh PP-PPT terhadap calon. Penentusahan dilakukan melalui penyemakan portfolio, pemerhatian dan pengesahan secara lisan terhadap calon;
- 4.4. Pengesahan oleh PPL-PPT hendaklah dilaksanakan berdasarkan bukti-bukti keterampilan yang telah disedia merujuk kepada dokumen asal;

- 4.5. Semasa sesi verifikasi dilaksanakan, calon hendaklah hadir bersama PPL-PPT.
- 4.6. Calon GAGAL dipersijilkan sekiranya :
- a. Tidak hadir sesi verifikasi; atau
 - b. Tidak mengemukakan bukti-bukti yang mencukupi, diragui kesahihan atau tidak memenuhi keperluan Standard bidang yang dipohon.
- 4.7. PPL-PPT perlu mengemukakan Laporan Verifikasi PPL-PPT kepada JPK pada tahap yang didaftarkan.

F. PANDUAN PENILAIAN KETERAMPILAN MELALUI PENILAIAN AMALI

1.0 PENGENALAN

Panduan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) Secara Penilaian amali adalah bertujuan menetapkan pelaksanaan penilaian amali mengikut tahap, *single tier* atau modular berdasarkan kepada keperluan Standard. Penilaian amali ini adalah tidak tertakluk bagi program Latihan Vokasional di bawah sub sektor Pengajar. Panduan ini hendaklah dibaca bersama Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dan Panduan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

2.0 KONSEP PENILAIAN AMALI

- 2.1 Penilaian amali merupakan satu pendekatan penilaian tanpa pembangunan portfolio. Penilaian ini dilaksanakan mengikut keperluan Standard bagi program yang dipohon oleh calon;
- 2.2 Penilaian amali boleh dilaksanakan di dua (2) lokasi iaitu:
 - a. PB-PPT; atau
 - b. Pusat Penilaian yang diluluskan oleh JPK.
- 2.3 Pusat Penilaian hendaklah memenuhi kriteria berikut:
 - a. Merupakan agensi, syarikat yang berdaftar, penyedia latihan atau Pusat Bertauliah (PB) yang bukan PB-PPT; dan
 - b. Berupaya menyediakan kelengkapan dan peralatan mengikut keperluan Standard yang dipohon.
- 2.4 Calon boleh mencadangkan Pusat Penilaian yang hendak dijalankan semasa mengemukakan permohonan kepada JPK. Sekiranya pusat penilaian yang dicadangkan oleh calon tidak bersesuaian, JPK boleh melantik PB-PPT yang ditauliahkan program yang dipohon;
- 2.5 Semasa Penilaian amali dilaksanakan, penyelaras PB-PPT hendaklah hadir bersama PPL-PPT. Manakala untuk Pusat Penilaian akan dihadiri oleh PPL-PPT bersama personel yang dilantik oleh JPK; dan
- 2.6 Tempoh masa penilaian ini adalah merujuk kepada soalan penilaian yang diluluskan oleh JPK mengikut bidang dan tahap yang dipohon. Tempoh masa maksimum penilaian adalah selama 8 jam.

3.0 KAEDAH PENILAIAN DAN VERIFIKASI

- 3.1 Penilaian amali dilaksanakan hendaklah memenuhi keperluan Standard mengikut program yang dipohon oleh calon.
- 3.2 Konsep pelaksanaan Penilaian amali adalah seperti berikut:
- Berpandukan kepada penilaian yang ditentukan oleh JPK dengan merujuk kepada keperluan program kemahiran berkenaan;
 - PB-PPT atau Pusat Penilaian hendaklah menyediakan bahan penilaian (bahan gunahabis dan peralatan) semasa penilaian dijalankan seperti senarai yang akan ditetapkan oleh JPK;
 - PB-PPT hendaklah memberi khidmat nasihat kepada calon tentang bahan guna habis yang diguna pakai semasa penilaian; dan
 - Penetapan maksimum anggaran kadar bahan penilaian adalah seperti **Jadual 11:**

Jadual 11 : Anggaran Kadar Bahan Penilaian (Maksimum)

Kategori Bidang	Kadar Bahan Guna Habis (Maksimum)	
	SKM 1/2/3	DKM/DLKM
A) <i>Hardskills</i>	RM 600	RM500
B) <i>Softskills</i>	RM 400	RM500

Nota : Sektor yang berkaitan mengikut Kategori A & B merujuk kepada Lampiran 3.

- 3.3 Kaedah penilaian mengikut tahap persijilan adalah seperti berikut:
- Persijilan SKM Tahap 1, 2 atau 3:
 - Penilaian amali.
 - Persijilan DKM atau DLKM:
 - Penilaian amali; dan
 - Penilaian Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT).
- 3.4 Calon DKM atau DLKM perlu lulus penilaian amali sebelum layak melalui penilaian LPKT;
- 3.5 Penilaian amali terdiri daripada dua (2) komponen iaitu:
- Penilaian Prestasi; dan
 - Penilaian Pengetahuan.

- 3.6 Penilaian Pengetahuan akan dijalankan dalam bentuk soal jawab semasa calon menduduki Penilaian Prestasi.
- 3.7 Skop penilaian mengikut jenis permohonan seperti **Jadual 12**:

Jadual 12: Skop penilaian mengikut jenis permohonan

Jenis permohonan Komponen Penilaian	Mengikut Tahap	Single Tier	Modular
Penilaian Prestasi	Setiap tahap yang dipohon	Mana-mana tahap yang ditetapkan oleh JPK	Setiap CU yang dipohon
Penilaian Pengetahuan (sesi soal jawab)	Setiap tahap yang dipohon	Setiap tahap yang dipohon	Setiap CU yang dipohon

- 3.8 Markah lulus minimum bagi Penilaian amali adalah 60%. **Jadual 13** dan **Jadual 14** menunjukkan Komposisi Pemarkahan Penilaian amali mengikut tahap persijilan;

Jadual 13: Komposisi Pemarkahan Penilaian bagi SKM Tahap 1, 2 atau 3

Bil.	Komponen Penilaian	Peratus Setiap Komponen (%)	Peratus Lulus Minimum bagi setiap tahap (%)
1	Penilaian Prestasi	80	50
2	Penilaian Pengetahuan (Sesi soal jawab)	20	10
Jumlah		100	60

Jadual 14: Komposisi Pemarkahan Penilaian bagi DKM atau DLKM

Bil.	Komponen Penilaian	Peratus Setiap Komponen (%)	Peratus Lulus Minimum (%)
Peringkat I			
1	Penilaian Prestasi	80	50
2	Penilaian Pengetahuan (Sesi soal jawab)	20	10
Jumlah		100	60
Peringkat II			
3	Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT) – Laporan, pembentangan dan sesi soal jawab	100	60
Jumlah		100	60

- 3.9 Tempoh penilaian amali bagi semua komponen adalah tidak melebihi 8 jam;

- 3.10 Kapasiti bilangan calon adalah maksimum lapan (8) orang sehari bagi setiap sesi pengendalian Penilaian Amali;
- 3.11 Kaedah penilaian bagi permohonan persijilan mengikut tahap hendaklah mematuhi perkara berikut:
- a. Pemohon yang memohon lebih dari satu (1) tahap secara serentak, penilaian dilaksanakan secara berasingan mengikut tahap yang dipohon. Calon akan dinilai pada tahap yang terendah sebelum layak menjalani penilaian pada tahap seterusnya; dan
 - b. Calon tidak dibenarkan menjalani penilaian pada tahap yang lebih tinggi sekiranya gagal pada penilaian tahap yang terendah.
- 3.12 Bagi permohonan program DKM atau DLKM, penilaian LPKT hendaklah memenuhi perkara berikut:
- a. Calon hendaklah lulus penilaian amali bagi membolehkan calon menjalani penilaian LPKT. Sekiranya gagal penilaian amali calon tidak boleh menjalani penilaian dan pembentangan LPKT dan status persijilan adalah GAGAL;
 - b. Calon hendaklah menyedia dan membentangkan LPKT pada program yang dipohon. Bagi permohonan secara *single tier*, penilaian LPKT akan dinilai pada tahap yang tertinggi sahaja; dan
 - c. Sekiranya calon gagal penilaian LPKT, calon dibenarkan menduduki semula penilaian LPKT tanpa mengulang penilaian amali dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh lulus penilaian amali tersebut. Calon hendaklah mengemukakan bayaran baharu mengikut kadar fi dan caj yang sedang berkuat kuasa.
- 3.13 Soalan penilaian amali hendaklah memenuhi keperluan Standard dan diluluskan oleh JPK;
- 3.14 Calon hendaklah bersedia menduduki penilaian amali dalam tempoh sebulan selepas didaftarkan. Manakala bagi calon DKM atau DLKM, penyediaan LPKT dilaksanakan selepas lulus penilaian amali;
- 3.15 Bagi calon DKM atau DLKM, pembentangan LPKT hendaklah dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Penyelaras PB-PPT hendaklah mengemukakan permohonan verifikasi pembentangan LPKT kepada JPK selewat-lewatnya 2 minggu sebelum tamat tempoh penilaian;
- 3.16 Keputusan penilaian amali menggunakan Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) dan hendaklah dihantar kepada JPK oleh PB-PPT;
- 3.17 Bagi permohonan secara *single tier*, calon yang lulus penilaian amali dan LPKT layak dipersijilkan tahap tertinggi yang dipohon sama ada DKM atau DLKM;

- 3.18 Calon layak dipersijilkan program yang dipohon sekiranya lulus kesemua komponen penilaian yang ditetapkan mengikut tahap persijilan;
- 3.19 Calon adalah tidak boleh mengulang sekiranya gagal mana-mana komposisi penilaian yang ditetapkan. Sekiranya calon masih berminat untuk mendapatkan persijilan, calon hendaklah mengemukakan permohonan baharu; dan
- 3.20 JPK boleh melaksanakan pemantauan dari semasa ke semasa bagi setiap penilaian yang dilaksanakan.

G. PANDUAN PELAKSANAAN PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT) MELALUI PUSAT BERTAULIAH-PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PB-PPT)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi penerangan dan menetapkan keperluan permohonan bagi melaksanakan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) di Pusat Bertauliah (PB) khususnya dari aspek kriteria, lantikan Penyelaras Program PPT dan tanggungjawab PB dalam pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) melalui kaedah PPT;
- 1.2 PB yang mendapat kebenaran menjalankan program melalui kaedah PPT akan disebut sebagai PB-PPT;
- 1.3 Garis panduan ini juga bertujuan untuk memberi penerangan kepada PB-PPT yang telah diluluskan untuk melaksanakan SPKM melalui PPT; dan
- 1.4 Panduan ini hendaklah dibaca bersama Panduan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT), Panduan Pelaksanaan Dan Syarat Pentauliahn Pusat Bertauliah Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan 2012 yang sedang berkuatkuasa dan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652].

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pelaksanaan PB-PPT ini mula diperkenalkan pada 30 Jun 2006, bertujuan untuk membantu pekerja mahir yang berpengalaman mendapatkan pengiktirafan SPKM melalui kaedah PPT. Individu yang mempunyai ketrampilan dan kompetensi serta pengalaman dalam sesuatu bidang pekerjaan boleh mendapatkan pengiktirafan menggunakan kaedah PPT melalui PB-PPT.

3.0 SYARAT PERMOHONAN SEBAGAI PB-PPT

- 3.1 Kriteria PB yang memohon;
 - a. Mendapat pentauliahn sekurang-kurangnya selama setahun bagi program yang dipohon;
 - b. Melantik Penyelaras Program PPT; dan
 - c. Mempunyai personel yang boleh dilantik sebagai Pegawai Penilai PPT (PP-PPT) yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

3.2 Peranan Dan Tanggungjawab PB-PPT

- a. PB-PPT berupaya mentadbir dan mengurus permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT sebagaimana yang telah ditetapkan oleh JPK;
- b. PB-PPT berupaya menyediakan dan mengelolakan penilaian melalui kaedah PPT (portfolio dan penilaian amali) mengikut keperluan yang digariskan dalam Standard dan panduan pelaksanaan PPT;
- c. PB-PPT hanya dibenarkan menjalankan **latihan maksimum 30%** dari NOSS berkaitan berdasarkan jurang kompetensi yang diperlukan oleh calon;
- d. PB-PPT juga perlu melaksanakan tugas-tugas lain seperti berikut:
 - i. Melantik seorang penyelaras untuk menyelaras program PPT bagi bidang kemahiran yang dipohon;
 - ii. Memastikan PP-PPT yang dilantik memenuhi kriteria yang ditetapkan;
 - iii. Memastikan latihan yang dijalankan mengikut nisbah PP-PPT dan calon tidak melebihi 1:25 pada satu-satu masa;
 - iv. Mengurus proses permohonan SKM/DKM/DLKM melalui PPT bagi calon yang berdaftar dengan PB-PPT berkenaan mengikut bidang kemahiran yang dipohon;
 - v. Mengatur penjadualan sesi kaunseling dan penilaian PP-PPT bersama calon;
 - vi. Memastikan pelaksanaan persijilan melalui kaedah PPT dipatuhi dengan merujuk kepada Panduan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah PPT;
 - vii. Menyelesaikan semua urusan berkaitan proses sijil pada mana-mana peringkat sebelum calon meninggalkan PB-PPT atas apa-apa alasan;
 - viii. Menyerahkan mana-mana sijil yang telah dikeluarkan oleh JPK kepada calon tanpa syarat dan bagi sijil yang tidak dituntut oleh calon hendaklah dikembalikan kepada JPK selepas enam (6) bulan dari tarikh terima sijil dari JPK;
 - ix. Mempromosi dan memberi khidmat bimbingan kepada mana-mana individu yang berpotensi untuk diberi pengiktirafan; dan

- x. Memaklumkan secara bertulis kepada KPPK sebarang perubahan Penyelaras Program PPT, PP-PPT atau struktur yuran latihan baru yang dikenakan (latihan maksima 30%).
- e. PB-PPT juga adalah tertakluk kepada semua syarat dan peraturan pentauliahan JPK yang sedang berkuatkuasa; dan
- f. Perlantikan PP-PPT di PB-PPT adalah tertakluk kepada kelulusan dan di bawah bidang kuasa JPK. Sebarang pertukaran PP-PPT perlu dimaklumkan secara bertulis kepada JPK.

3.3 **Personel PB-PPT**

3.3.1 **Penyelaras Program PPT**

- a. Kriteria penyelaras program:
 - i. Berumur 18 tahun dan ke atas;
 - ii. Merupakan kakitangan tetap di PB-PPT;
 - iii. Telah hadir kursus induksi PP-PPT; dan
 - iv. Memahami pelaksanaan SPKM melalui kaedah PPT.
- b. Peranan dan tanggungjawab Penyelaras Program PPT:
 - i. Menjadi personel utama yang dirujuk dalam SPKM melalui kaedah PPT di PB-PPT;
 - ii. Mengurus pendaftaran permohonan SKM/DKM/DLKM melalui PPT bagi calon yang berdaftar dengan PB-PPT berkenaan mengikut bidang kemahiran yang dipohon;
 - iii. Menentukan jumlah bilangan calon yang boleh diterima masuk berdasarkan kemudahan dan peralatan sedia ada bagi latihan (maksima 30%);
 - iv. Merancang dan mengatur jadual, kemudahan dan personel mengikut kaedah penilaian yang ditetapkan; dan
 - v. Menyediakan pelan perancangan latihan (maksima 30%).
- c. Bagi penilaian portfolio, penyelaras PB-PPT perlu menyelaras pengumpulan dokumen-dokumen yang berkaitan bagi tujuan persijilan seperti:
 - i. Laporan Penilaian Keterampilan Calon melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT);

- ii. Borang Permohonan verifikasi Pegawai Pengesah Luaran – Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPL-PPT);
 - iii. Borang Laporan Verifikasi Pegawai Pengesah Luaran Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPL-PPT);
 - iv. Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT); dan
 - v. Portfolio calon.
- d. Bagi penilaian amali, penyelarar PB-PPT perlu menyelarar perkara-perkara yang berkaitan seperti penjadualan, tempat, peralatan, kelengkapan, bahan guna habis dan apa-apa keperluan yang berkaitan.

3.3.2 Pegawai Penilai PPT (PP-PPT)

a. Kriteria PP-PPT

i. Personel PB-PPT :

- (a) Personel lantikan JPK sebagai PP-PPT.

ATAU

- (b) PP bagi program berkenaan :

- (1) telah hadir dan lulus Kursus Induksi PP-PPT;
- (2) memiliki pengalaman kerja sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang berkaitan; dan
- (3) telah mendapat Perakuan Pengiktirafan Kelayakan sebagai Personel Pentauliahan dalam bidang berkaitan.

ATAU

ii. Bukan Personel PB-PPT

- (a) Individu yang bukan lantikan tetap PB-PPT tetapi telah dilantik sebagai PP-PPT oleh JPK. PP-PPT berkenaan boleh berdaftar terhad di tiga (3) PB-PPT sahaja pada satu-satu masa.

b. Peranan dan tanggungjawab PP-PPT (bagi penilaian portfolio) adalah seperti berikut:-

- i. Mengenalpasti jurang keterampilan yang dimiliki oleh individu berkenaan;

- ii. Membuat perancangan dan penjadualan bagi:
 - (a) Kursus yang dikenalpasti bagi bakal calon PPT yang mempunyai jurang kompetensi; dan
 - (b) Sesi kaunseling dan penilaian.
 - ii. Mengendalikan kursus yang dikenalpasti;
 - iii. Melaksanakan sesi kaunseling dan penilaian;
 - iv. Menyemak dan menentusahkan kesahihan bukti-bukti keterampilan yang dikemukakan oleh calon;
 - v. Mengemukakan permohonan PPL-PPT kepada Penyelaras Program PPT untuk proses verifikasi calon; dan
 - vi. Menyediakan Laporan PP-PPT bagi setiap calon yang dikendalikan.
- c. PP-PPT yang dilantik oleh PB-PPT tidak layak membuat sebarang tuntutan TNT dan kepakaran daripada JPK.

4.0 STRUKTUR PENTAULIAHAN PROGRAM PPT

4.1 Prosedur Permohonan Pentauliahan Program PB-PPT

PB hendaklah mengemukakan permohonan kepada KPPK sekurang – kurangnya enam (6) bulan sebelum tamat pentauliahan dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:

- a. Borang Permohonan Pentauliahan Program PB-PPT – Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PB-PPT) yang telah lengkap diisi dan disah;
- b. Salinan sijil akuan pentauliahan program kemahiran yang dipohon;
- c. Jadual perancangan dan pelaksanaan aktiviti PPT;
- d. Perincian struktur yuran PPT;
- e. Surat Lantikan sebagai PP-PPT daripada PB;
- f. Bagi personel lantikan JPK yang bukan personel PB perlu menyertakan salinan Surat Perakuan Pengiktirafan Kelayakan sebagai PP-PPT; dan
- g. Bagi PP yang dilantik dari personel PB, dokumen berikut perlu disertakan:
 - i. Salinan Surat Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliahan di PB;

- ii. Salinan Sijil Kursus Induksi PP-PPT;
- iii. *Resume* personel PPT; dan
- iv. Salinan dokumen yang berkaitan bagi menyokong permohonan.

4.2 Kelulusan PB-PPT

- a. Selepas menimbangkan sesuatu permohonan, KPPK boleh :
 - i. Meluluskan permohonan dan memberikan perakuan kepada PB-PPT bagi sesuatu program mengikut tempoh pentauliahan program sedia ada; dan
 - ii. Menolak permohonan dengan menyatakan alasan bagi penolakan itu.
- b. Kelulusan sebagai PB-PPT akan tamat secara automatik sekiranya pentauliahan bagi program berkenaan tamat tempoh atau PB ditamatkan pentauliahan.
- c. Mana-mana PB-PPT yang telah dilantik layak menerima bayaran perkhidmatan mengikut kelulusan perbendaharaan yang berkuatkuasa.

4.3 Pembaharuan Pentauliahan Program PB-PPT

Permohonan pembaharuan sebagai PB-PPT hendaklah dibuat bersekali dengan pembaharuan pentauliahan program dan mengikut tatacara Pembaharuan Pentauliahan Program yang sedang berkuatkuasa dengan mengemukakan dokumen tambahan seperti berikut :-

- a. Perubahan PP-PPT (sekiranya ada); dan
- b. Laporan pelaksanaan program PPT yang telah dijalankan di PB-PPT seperti Lampiran 4.

4.4 Penamatan PB-PPT

PB yang ingin menamatkan pelaksanaan persijilan melalui PPT hendaklah:

- a. Mengemukakan permohonan penamatan PB-PPT secara bertulis kepada JPK; dan
- b. Menyelesaikan segala urusan latihan dan persijilan calon sedia ada yang telah mendaftar di PB-PPT berkenaan. Notis penamatan akan dikeluarkan setelah PB-PPT menyelesaikan semua urusan persijilan calon PPT.

4.5 Penggantungan atau Pembatalan PB-PPT

- a. Penggantungan atau pembatalan PB-PPT adalah tertakluk kepada Panduan Pelaksanaan Dan Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliah Di

Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang berkuatkuasa;

- b. Perkhidmatan PB-PPT juga akan ditamatkan atau digantung sekiranya:
 - i. PB-PPT tidak mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan; atau
 - ii. PB-PPT melakukan sebarang penyelewengan atau penipuan terhadap proses pendaftaran, penilaian dan latihan yang dijalankan.

5.0 PELAKSANAAN PROGRAM PB-PPT

Pelaksanaan program PPT yang dijalankan di PB-PPT adalah tertakluk kepada Panduan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) yang sedang berkuatkuasa.

5.1 Pra-Pendaftaran Calon PPT

Pra-pendaftaran adalah satu proses dimana pemohon akan mendaftar di PB-PPT yang dipilih sebelum pendaftaran sebagai calon PPT di JPK untuk mendapatkan Sijil.

5.1.1 Analisa Jurang Kompetensi Individu

- a. Analisis jurang kompetensi dilakukan oleh calon bersama PB-PPT bagi mengenal pasti jurang kompetensi di antara bukti yang dimilikinya dengan keperluan Standard;
- b. PB-PPT hendaklah mengesahkan kesahihan bukti-bukti yang dikemukakan oleh pemohon sebelum sesi analisa jurang dilaksanakan;
- c. Pemohon dikehendaki menyemak bukti-bukti yang berkaitan semasa melakukan analisis jurang bagi mengenalpasti jurang kompetensi yang wujud;
- d. Hasil analisis jurang kompetensi boleh membawa kepada keputusan berikut :
 - i) Memenuhi semua (100%) keperluan Duti/CU dalam Standard tersebut (tiada jurang kompetensi)
 - (1) Layak didaftarkan sebagai calon PPT; dan
 - (2) Tahap persijilan adalah tertakluk kepada keputusan penilaian dan verifikasi PPL-PPT.

- ii) Tidak memenuhi satu atau lebih keperluan Duti/CU (maksima jurang 30%) dalam Standard tersebut :

(1) Pemohon boleh:

- (a) Menghadiri kursus/latihan di PB-PPT bagi melengkapkan jurang kompetensi tersebut dan layak didaftarkan setelah terampil bagi tugas yang berkaitan; atau
 - (b) Mendapatkan pengalaman kerja dalam kompetensi berkenaan;
- e. Semasa pra-pendaftaran, pemohon dikehendaki mengemukakan hasil analisis jurang kompetensi kepada PB-PPT bagi tujuan semakan dan pendaftaran kursus.

5.1.2 Kursus Dan Penilaian Pemohon

- a. Pemohon yang tidak memenuhi satu atau lebih keperluan Duti/CU dalam NOSS tersebut perlu mengikuti kursus di PB-PPT bagi melengkapkan jurang keterampilan yang telah dikenalpasti;
- b. Penilaian kursus perlu dilaksanakan bagi memastikan keterampilan individu memenuhi tugas-tugas yang berkaitan;
- c. Penilaian kursus hendaklah dilaksanakan dalam bentuk penilaian pengetahuan dan penilaian prestasi;
- d. Mana-mana pemohon yang telah mengikuti kursus dan melalui penilaian serta disahkan terampil boleh didaftarkan sebagai calon PPT; dan
- e. PB-PPT boleh mengeluarkan sijil bagi kursus yang telah dihadiri oleh calon bagi tujuan pengesahan kehadiran atau penyertaan calon.

5.1.3 Penilaian Keterampilan

- a. Penilaian keterampilan dijalankan dalam dua (2) kaedah iaitu penilaian portfolio dan penilaian amali;
- b. Pemilihan kaedah penilaian akan ditentukan oleh calon dengan khidmat nasihat daripada PB-PPT;
- c. PB-PPT perlu menyediakan kemudahan dan personel yang berkaitan dengan penilaian keterampilan yang dijalankan;
- d. Tempat dan kemudahan peralatan penilaian perlu disediakan awal sebelum penilaian dijalankan;

- e. Tempat dan kemudahan peralatan penilaian perlulah mengikut kesesuaian kapasiti calon yang didaftarkan;
- f. PB-PPT boleh memberi cadangan tarikh penilaian keterampilan yang hendaklah dijalankan bagi tujuan mendapat kelulusan JPK; dan
- g. Pelaksanaan kaedah penilaian keterampilan adalah merujuk panduan penilaian yang sedang berkuat kuasa.

5.2 Permohonan Pendaftaran Sebagai Calon PPT

5.2.1 PB-PPT hendaklah mendaftarkan pemohon yang berkeelayakan sebagai calon PPT sekiranya memenuhi syarat berikut :

- a. Memenuhi syarat tempoh pengalaman bekerja seperti yang ditetapkan dalam Panduan Pelaksanaan PPT yang sedang berkuatkuasa; dan
- b. Pemohon yang mempunyai keterampilan memenuhi 100% keperluan Standard hasil daripada sesi analisa jurang keterampilan (tiada jurang kompetensi); atau
- c. Pemohon yang mempunyai keterampilan melebihi 70% keperluan Standard (mempunyai jurang kompetensi kurang daripada 30%) dan telah mengikuti penilaian yang berkaitan serta disahkan terampil. Keputusan penilaian pemohon hendaklah disertakan bersama dengan borang permohonan pendaftaran calon.

5.2.2 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada KPPK bersama-sama dokumen sokongan:

- a. Borang Permohonan Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) yang telah lengkap diisi;
- b. Melakukan bayaran seperti mana yang telah digariskan dalam peraturan kadar fi dan caj yang sedang berkuatkuasa;
- c. Salinan Kad Pengenalan Pemohon;
- d. Surat pengesahan majikan beserta tempoh pengalaman bekerja dalam bidang kemahiran berkenaan ;
- e. Salinan SKM tertinggi yang dimiliki (jika ada);
- f. Dokumen-dokumen lain yang berkaitan; dan
- g. Perakuan pemohon.

- 5.2.3 Bagi mana-mana permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat yang ditetapkan, permohonan dianggap gagal dan bayaran tidak akan dikembalikan.
- 5.2.4 JPK akan mengeluarkan resit bayaran dan nombor pendaftaran bagi calon yang berjaya didaftarkan.
- 5.3 Bagi penilaian portfolio, pelaksanaan Kaunseling dan Penilaian Calon PPT adalah seperti berikut;
- a. PB-PPT perlu mengeluarkan surat arahan rasmi bagi tujuan penugasan kepada PP-PPT dan perlu dikemukakan semasa permohonan sesi verifikasi;
 - b. Kaunseling dan penilaian calon akan dikendalikan oleh PP-PPT yang dilantik oleh PB-PPT dan mengikut garis Panduan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT yang berkuatkuasa;
 - c. PB-PPT hendaklah mengemukakan Borang Permohonan Penilaian Keterampilan Melalui PB-PPT kepada JPK sebaik sahaja sesi penilaian selesai dilaksanakan oleh PP-PPT dua (2) minggu sebelum cadangan tarikh verifikasi; dan
 - d. PB-PPT hendaklah menyediakan tempat dan mengemukakan cadangan tarikh dan masa verifikasi yang hendak diadakan.
- 5.4 Bagi penilaian amali PB-PPT hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut;
- a. PB-PPT hendaklah mengemukakan Borang Permohonan Penilaian Keterampilan Melalui PB-PPT kepada JPK dalam tempoh 5 hari bekerja selepas calon didaftarkan (selepas resit dikeluarkan);
 - b. Mencadangkan tarikh penilaian yang akan dijalankan kepada JPK mengikut tempoh yang ditetapkan;
 - c. Menyediakan tempat, kelengkapan, peralatan dan bahan guna habis (jika perlu); dan
 - d. Memberi khidmat nasihat kepada calon tentang bahan penilaian yang diguna pakai dalam tempoh dua (2) minggu sebelum penilaian amali dijalankan (jika perlu).

6.0 PROSEDUR TUNTUTAN BAYARAN

- 6.1 Dokumen diperlukan bagi tuntutan pembayaran :
- a. Surat arahan rasmi yang dikeluarkan oleh PB-PPT bagi tujuan penugasan kepada PP-PPT bagi setiap calon;

- b. Salinan Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT);
- c. Salinan surat Pentauliahan sebagai PB-PPT;
- d. Salinan penyata akaun bank PB-PPT yang mengandungi maklumat pemegang akaun (disahkan oleh syarikat/pusat latihan);
- e. Salinan akuan pendaftaran Kementerian Kewangan - kod bidang 221110/220502; dan
- f. Invois tuntutan seperti Lampiran 2.
- g. Kelayakan tuntutan seperti dibawah:

Kaedah Persijilan	Tuntutan bagi setiap calon	
	SKM 1 / 2 / 3	DKM / DLKM
Mengikut Tahap (RM/tahap/calon)	RM100.00	RM150.00
<i>Single Tier</i> (RM/pemohonan/calon)	RM150.00	RM200.00
Modular (RM/permohonan/calon)	RM100.00	RM100.00

7.0 LAWATAN PEMANTAUAN

- 7.1 JPK boleh pada bila-bila masa mengadakan lawatan pemantauan untuk menentusahkan kesahihan bagi semua jenis permohonan bagi memastikan PB-PPT mengekalkan standard dan kualiti SPKM serta mematuhi apa-apa syarat yang ditetapkan oleh KPPK.

H. PANDUAN PEMBANGUNAN & PEMBENTANGAN LAPORAN PENGALAMAN KETERAMPILAN TERDAHULU (LPKT)

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

- a. Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT) adalah satu dokumen yang menjelaskan pengalaman kerja (dalam bentuk laporan projek) yang dimiliki/dialami/dilalui/dilakukan oleh calon berdasarkan Standard;
- b. Pengalaman Keterampilan Terdahulu (PKT) seseorang calon hendaklah memenuhi keperluan Standard yang mana dapat menunjukkan keterampilan calon;
- c. PKT hendaklah dilaporkan dalam bentuk laporan projek yang mana mengandungi aktiviti-aktiviti/proses yang berkaitan dengan program yang dipohon memenuhi keperluan Standard;
- d. Contoh PKT adalah tugas yang dilakukan, projek yang dikendalikan, dibangunkan atau penyelesaian permasalahan yang dilaksanakan sepenuhnya oleh calon;
- e. LPKT ini dilaksanakan untuk melayakkan seseorang calon yang telah mencapai tahap keterampilan memenuhi keperluan Standard; dan
- f. Membentuk suatu kaedah penilaian keterampilan terdahulu yang lebih telus, adil, komprehensif dan sahih serta memenuhi ciri-ciri kemahiran yang memenuhi keperluan Standard.

1.2 Konsep LPKT

- a. LPKT yang dibangunkan perlu mengikut perkara seperti berikut:
 - i. Pemilihan tajuk LPKT hendaklah berpandukan kepada mana-mana duti atau unit kompetensi (CU) yang memenuhi keperluan Standard; dan
 - ii. Calon boleh memilih mana-mana duti atau unit kompetensi (CU) atau secara gabungan yang mana dapat menjelaskan aktiviti atau proses mengikut turutan.
- b. LPKT hendaklah mempunyai ciri-ciri seperti berikut :
 - i. Dapat memperkembangkan daya kreativiti calon dan meluaskan pengalaman calon semasa menjalankan projek;

- ii. Memperkembangkan pembelajaran melalui pengalaman melaksanakan aktiviti;
 - iii. Projek yang hendak dibuat hendaklah bermakna dan bermanfaat;
 - iv. Projek hendaklah dipilih mengikut program yang dipohon serta memenuhi keperluan Standard; dan
 - v. Mempunyai unsur kreativiti dan inovasi (jika berkaitan rekabentuk atau penyelesaian masalah).
- c. Penulisan mestilah hasil asal calon. Sebarang bentuk *plagiarism* dilarang sama sekali. Perbuatan mengambil idea, tulisan, data atau rekaan orang lain dan mendakwa idea, tulisan, data atau rekaan itu adalah hasil ciptaan atau dapattannya sendiri adalah dilarang dan calon adalah gagal.

2.0 KAEDAH PELAKSANAAN

2.1 Tanggungjawab Calon

- a. Calon hendaklah mengemukakan Borang Cadangan Tajuk Dan Ringkasan Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT) beserta dengan Borang Permohonan Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT);
- b. Calon hanya dibenar menjalani penilaian LPKT setelah lulus penilaian verifikasi portfolio atau kekompetenan;
- c. Calon perlu menyediakan deraf LPKT dan disemak serta DISAHKAN oleh PP-PPT terlebih dahulu sebelum proses pembentangan bersama PPL-PPT;
- d. Selepas lulus verifikasi PPL-PPT calon diberi tempoh sekurang-kurangnya 2 bulan bagi menyiapkan LPKT;
- e. Calon hendaklah mengemukakan deraf LPKT yang telah disahkan oleh PP-PPT kepada PPL-PPT selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum tarikh pembentangan diadakan;
- f. PP-PPT hendaklah mengemukakan borang Laporan Penilaian Pembentangan calon melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) kepada JPK bagi penilaian LPKT oleh PPL-PPT; dan
- g. Calon hendaklah membentangkan hasil LPKT kepada panel penilai yang dilantik semasa sesi verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL-PPT).

2.2 Format Penyediaan LPKT

- a. Calon hendaklah menyediakan LPKT seperti yang ditetapkan dan mendapatkan khidmat nasihat daripada PP-PPT;
- b. Bilangan mukasurat LPKT hendaklah di antara 15 hingga 30 mukasurat (DKM) dan 40 hingga 80 mukasurat (DLKM) tidak termasuk gambar dan lampiran;
- c. LPKT boleh disediakan dalam bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat penggunaan perkataan yang tidak dapat dialih bahasa, perkataan tersebut mesti dalam format *italic*;
- d. Format penulisan LPKT adalah seperti **Jadual 15** dibawah:

Jadual 15 : Format Penulisan LPKT

Perkara	Spesifikasi
Jenis tulisan	i. Times New Roman atau Arial (Bold untuk tajuk); ii. Tajuk bagi setiap bahagian hendaklah ditulis di dalam format Bold; iii. Tidak <i>descript</i> atau <i>italic</i> kecuali untuk nama saintifik dan istilah dalam bahasa lain;
Saiz tulisan	i. Saiz 12 ii. Teks dalam jadual hendaklah bersaiz tidak kurang daripada 8.
<i>Margins</i>	Bab Tajuk, Abstrak, Kata Penghargaan, Kandungan, Rujukan i. Atas : 5.0 cm ii. Bawah : 2.0 cm iii. Kanan : 2.0 cm iv. Kiri : 4.0 cm
	Lain-lain muka surat lanjutan v. Atas dan Bawah: 2.0 cm vi. Kanan : 2.0 cm vii. Kiri : 4.0 cm
<i>Spacing</i>	i. 2 <i>spacing</i> bagi setiap ayat; ii. 4 <i>spacing</i> bagi setiap perenggan; iii. 1 <i>spacing</i> bagi bibliografi, jadual, rajah, apendiks, tajuk atau sub-tajuk;
Nombor Mukasurat	i. Bahagian bawah, kanan.
Spesifikasi Kertas	i. Saiz A4 80 atau 100 gram
Jilid	i. Perkataan warna emas dengan saiz 20 di bahagian tepi yang mengandungi: a. Nama b. Program c. Tahun ii. LPKT hendaklah dijilid berbentuk buku berkulit keras mengikut warna seperti berikut, iaitu: iii. Biru gelap - DKM; dan iv. <i>Maroon</i> - DLKM.

- e. Laporan hendaklah dijilid setelah LULUS verifikasi; dan
- f. Calon hendaklah menyediakan dan menyerahkan satu (1) set LPKT yang berjilid selepas dua (2) minggu LULUS sesi verifikasi untuk simpanan JPK.

2.3 Format Kandungan LPKT

- a. Penulisan laporan projek DKM hendaklah merangkumi empat (4) bahagian/bab utama, iaitu Pendahuluan (Bab 1), Kaedah Kajian/ Metodologi (Bab 2), Penemuan Dan Analisis (Bab 3), dan Perbincangan, Cadangan dan Kesimpulan (Bab 4).
- b. Penulisan laporan projek DLKM hendaklah merangkumi lima (5) bahagian/bab utama, iaitu Pendahuluan (Bab 1), Kajian Literatur (Bab 2), Kaedah Kajian/Metodologi (Bab 3), Penemuan Dan Analisis (Bab 4), dan Perbincangan, Cadangan dan Kesimpulan (Bab 5).
- c. Format kandungan LPKT adalah seperti berikut:
 - i. Perakuan Calon;
 - ii. Pengesahan PP-PPT dan PPL-PPT;
 - iii. Penghargaan (Jika perlu);
 - iv. Abstrak:
 - (1) Tidak melebihi daripada 1 mukasurat;
 - (2) Disediakan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris; dan
 - (3) Kandungan ringkasan perlu menggambarkan keseluruhan PKT yang mengandungi pengenalan ringkas, pernyataan masalah, objektif, skop, metodologi/kaedah yang digunakan dan hasil capaian.
 - v. Kandungan
 - (1) Bahagian ini mengandungi senarai isi kandungan beserta nombor muka surat.
 - vi. Senarai Jadual
 - (1) Senarai ini diperlukan jika terdapat jadual yang digunakan dalam penulisan laporan; dan
 - (2) Tajuk jadual dalam laporan hendaklah ditulis di bahagian atas jadual.

vii. Senarai Rajah

- (1) Senarai ini diperlukan jika terdapat rajah yang digunakan dalam penulisan laporan; dan
- (2) Tajuk rajah dalam laporan hendaklah ditulis di bahagian bawah rajah.

viii. Senarai Lampiran

- (1) Senarai ini diperlukan jika terdapat lampiran yang digunakan dalam penulisan laporan

ix. Pendahuluan

- (1) Menerangkan tentang pengenalan (berkaitan dengan tajuk projek), matlamat, objektif, skop projek serta latarbelakang masalah secara umum (atau pernyataan masalah bagi kes penyelidikan) dan kepentingan projek;

x. Kajian Literatur

- (1) Kajian ini merujuk kepada kajian perpustakaan yang dilakukan oleh calon terhadap projek yang sedia ada di pasaran, kelemahan-kelemahan yang wujud, masalah-masalah yang cuba hendak diselesaikan, teori-teori sokongan dan sebagainya berkenaan.

xi. Kaedah kajian/ metodologi

- (1) Bahagian ini hendaklah mengandungi semua butir-butir kaedah pelaksanaan dan proses-proses pembuatan yang terlibat dalam membangunkan LPKT ini;
- (2) Antara perkara-perkara yang boleh dinyatakan adalah seperti:
 - a) Proses Pembuatan/ kerja/ aktiviti: Proses-proses yang terlibat dalam pelaksanaan projek bermula daripada pengendalian sumber dan rekabentuk atau dokumen yang digunakan dan cara-cara mengeluarkan, menganalisa dan menguji; dan
 - b) Penggunaan sumber seperti kos, tenaga manusia, bahan dan peralatan yang digunakan.
- (3) Calon perlu menyediakan carta pelaksanaan projek dari mula sehingga tamat (*Gantt Chart*).

xii. Penemuan dan Analisis

- (1) Pada peringkat ini calon juga perlu menerangkan hasil pengumpulan dan penganalisaan data berkaitan LPKT yang dibangunkan; dan
- (2) Bahagian ini mengandungi penilaian dan analisis.

xiii. Perbincangan, Cadangan dan Kesimpulan

- (1) Bab ini merumuskan secara keseluruhan projek yang telah dilaksanakan, hasil dan pencapaian projek yang telah perolehi serta perancangan dan harapan/cadangan penambahbaikan ke atas projek yang dibangunkan.

xiv. Rujukan

- (1) Bahagian ini mengandungi senarai rujukan khusus yang telah digunakan di dalam penulisan teks laporan PKT (rujuk contoh adalah seperti berikut).
- (2) Contoh penulisan rujukan adalah seperti berikut:

Buku :

